




HALAL HARAM

Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu.

(Surah al-Baqarah : 168)



Bil. 152
April 2022M/1443H

الهدى *Al-Huda*

HALAL

HARAM

itu Jelas

- 9 Makanan Halal dan Haram Dalam Islam
- 14 Rezeki Halal Membawa Berkah
- 19 Rezeki Dari Sumber Yang Halal

Halal, Haram & Syubhat

*J*mam al-Bukhari telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada 'Aamir, dia berkata: "Aku mendengar an-Nu'man bin Basyir berkata, aku mendengar Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhat (samar-samar) yang tidak diketahui oleh orang banyak. Maka siapa yang takut terhadap syubhat berarti dia telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhat maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan..."

*J*mam al-Bukhari telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

**"Akan Datang Satu Zaman
Di Mana Manusia
Tidak Lagi Peduli**

Dari Mana Mereka Mendapatkan

HARTA

**Apakah Dari Usaha Yang
HALAL Atau HARAM"**

Isi Kandungan

- 1** *Tinta Pengarang*
Halal dan Haram itu Jelas
- 2** *Titah*
Menjana Rezeki dari Sumber yang Halal
- 5** *Perspektif Islam*
Rezeki Halal Mengundang Rahmat Negara Berkat
- 9** *Fokus*
Makanan Halal dan Haram dalam Islam
- 14** *Khutbah Jumaat*
Rezeki Halal Membawa Berkat
- 19** *Mutiara Hadits*
Rezeki dari Sumber yang Halal
- 23** *Tafsir Hukum*
Terap Kesedaran Mengenai Halal Haram dalam Pemakanan
- 26** *Tetamu*
Pemakanan Syubhah atau diragui Kehalalannya
- 36** *Syurga & Neraka*
Keindahan dan Ni'mat Syurga
- 44** *Kenali Al-Qur'an*
Kenal dan Faham Al-Qur'an
- 47** *Muslimah Hebat*
Sayidatina Khadijah binti Khuwailid
- 52** *Sunnah Nabi*
Makan dan Minum Mengikut Sunnah Rasulullah
- 58** *Setibar*
Nabi Yunus 'Alaihissalam
- 64** *Muhasabah*
Sayyidul Istighfar
- 68** *Titik Terakhir*
Adab Menziarahi Orang Yang Baru Meninggal
- 72** *Nukilan Pena*
Selamat Di Penghujung Jalanan Tahun Hijrah dan Selamat Tiba Melangkah Masuk Gerbang Tahun Baharu.

Redaksi Al-Huda

Penasihat
Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh
Pengarah Pusat Da'wah Islamiah

Penolong Penasihat
Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar
Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah

Ketua Penerbit
Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

Penolong Ketua Penerbit
Hajah Suriyati binti Haji Ahmed

Penyelaras
Azizah binti Hidup

Pembantu Penyelaras
Qairunnisa binti Haji Jalil
Mohamad Zeliha bin Ahad
Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim
Rokiah binti Haji Mohamad Serudin
Suriati binti Haji Ali Hussin
Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang
Abdul Ghani


Penyemak Ayat al-Qur'an & Hadits
Ramlee bin Haji Kassim

Rekabentuk & Aturhuruf
Dahlan bin Chuchu


Pembahagi Majalah
Pg. Md. Rafiuddin bin Pg. Hj. Badaruddin
Nurul Nabilah binti Masri

Pencetak
EZY Printing Services & Trading Co.

Terbitan
Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Kampung Pulaie, Jalan Pusat Dakwah BB4310
Negara Brunei Darussalam



**Ibnu Taimiyah *Rahimahullahu* berkata:
*Rezeki halal walau sedikit
itu lebih berkat daripada rezeki
haram yang banyak.
Rezeki haram itu akan cepat hilang
dan Allah akan melenyapkannya.***



Haram dan Halal itu Jelas

“Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.”

(Surah al-Maa'idah: 88)

Pemahaman segelintir masyarakat sekarang mengenai perkara halal dan haram semakin kurang diberi perhatian sehingga setiap perkara yang telah nyata halal dan haram sewenang-wenangnya dilanggar dan diketepikan bahkan ada juga yang bercelaru mengenainya. Hukum halal dan haram di dalam Islam tidak hanya terbatas pada urusan makan dan minum tetapi meliputi seluruh aspek kehidupan kita, termasuklah dalam urusan kewangan yang dapat membentuk syakhsiah yang mulia dalam diri individu Islam. Sekiranya terdapat kekeliruan akan haram dan halalnya hendaklah dipastikan terlebih dahulu hukum halalnya, jika keyakinan cenderung kepada halal maka ia dianggap halal dan begitu juga sebaliknya sepertimana hadits riwayat Imam at-Tirmidzi daripada an-Nu'man bin Basyir, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, bersabda yang bermaksud:

“Tinggalkanlah sesuatu yang meragukanmu dan beralihlah kepada sesuatu yang tidak meragukanmu.”

Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang bathil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya.

(Surah al-Baqarah: 188)

Menjana Rezeki

Dari Sumber Yang Halal



Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibn
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

**Sempena Sambutan Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam
Kali Ke-36 Bagi Tahun 2020**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدُ

Sudah sewajarnya kita merafakkan syukur ke hadhrat Allah *Subhanahu
Swa Ta'ala* kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah pula kita meraikan Hari
Kebangsaan pada tahun ini. Semoga dengan perayaan ini akan mengingatkan
kita kepada rahmat Allah berupa kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran.

Rahmat Allah turun, kerana negara ini berstatus 'Negara Zikir', dengan umat di dalamnya menjalani kehidupan bertaqwa. Apabila sesebuah negara dihuni oleh manusia-manusia ahli taqwa, maka janji Allah pasti berlaku menurunkan berkat daripada langit dan mengeluarkannya daripada bumi.

Pada tahun ini kita menjulang tema sambutan, berbunyi: "Menjayakan Wawasan Negara." Menyebut wawasan sahaja tidak memadai. Tetapi yang penting, kita mesti menentukan 'dasar', selaku penunjuk arah kepada satu-satu matlamat atau tujuan yang hendak dicapai.

menikmati hubungan berbaik-baik, atas dasar hormat-menghormati dan tidak mencampuri urusan masing-masing.

Dalam ekonomi, dasar taqwa juga menjamin kesucian, iaitu menjana rezeki dari sumber yang halal, bukan dari sumber yang haram. Dasar ini melarang keras menipu atau memberi dan menerima rasuah dan lain-lain. Pendeknya, dasar ekonomi taqwa, sama sekali tidak menganiaya mana-mana pihak.

Kita sekarang dalam rangka memperkasa masyarakat dan institusi

"Dalam ekonomi, dasar taqwa juga menjamin kesucian, iaitu menjana rezeki dari sumber yang halal, bukan dari sumber yang haram. Dasar ini melarang keras menipu atau memberi dan menerima rasuah dan lain-lain."

Pada beta, dasar terbaik ialah 'taqwa'. Taqwalah landasan satu-satunya yang mampu untuk menyampaikan kita kepada kejayaan. Hanya dengan taqwa jua segala perjalanan hidup terjamin lurus dan adil, termasuk langkah kita menjana wawasan negara.

Di bawah dasar ini, kebajikan rakyat dan penduduk adalah diutamakan.

Siasah taqwa dapat memperkukuh perpaduan umat dan menjamin keharmonian antara kaum. Sementara terhadap mereka yang di luar lingkungan pula, akan kekal

kekeluargaan. Di sini, dasar taqwa adalah mampu untuk menjamin golongan tertentu supaya mendapat pembelaan dan perlindungan. Maka melalui Program Pelan Membasmi Kemiskinan Di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), kita telahpun merangka inisiatif-inisiatif pemeraksanaan sara diri bagi golongan sasaran.

Langkah ini akan membuka peluang yang lebih luas untuk golongan tertentu untuk mendapatkan pekerjaan ataupun bergiat di dalam bidang keusahawanan, yang sekaligus

akan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan.

Ini juga mendukung konsep taqwa, yang menggalakkan umat Islam supaya berdikari dengan titik peluh sendiri.

Walau bagaimanapun, negara tetap mengambil tanggungjawab untuk mengusahakan pelbagai kemudahan bagi kebajikan rakyat, seperti misalnya, sedikit masa lagi *in syaa* Allah, kerajaan akan melaksanakan Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan membolehkan pemohon bantuan untuk membuat permohonan secara di atas talian (*online*).

Apapun rancangan dan perubahan, banyak bergantung kepada sumber tenaga manusia. Sumber ini tidak syak lagi adalah aset terpenting negara, kerana merekalah yang akan berusaha untuk mencorakkan kehidupan, selaras dengan keperluan.

Sumber tenaga yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi amatlah dihajati bagi tujuan membawa perubahan.

Sekarang, satu projek raksaksa, Jambatan Penghubung di antara

Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong sedang menunggu masa untuk dibuka. Dari sini, kita boleh belajar, bahawa tanpa sumber tenaga berkemahiran, projek ini tidak mungkin menjadi kenyataan.

Demikian itulah pentingnya untuk kita melakar pendidikan tinggi untuk melahirkan sumber tenaga yang berkemahiran.

Untuk akhirnya, beta sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada semua peserta dan petugas serta ahli-ahli Jawatankuasa-jawatankuasa yang sama-sama berusaha dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 pada tahun ini.

Beta juga merakamkan ucapan yang sama kepada semua lapisan rakyat, meliputi semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, termasuk mereka yang bertugas di luar negara, Pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah jua, *Aamiin*. ●

وبالله التوفيق والهداية،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Rezeki Halal Mengundang Rahmat Negara Berkat



Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Agama

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدُ

Alhamdulillah, negara kita menyambut Awal Tahun Hijrah sebagai memperingati peristiwa hijrah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dari Mekah ke Madinah.

Peristiwa penting lagi bersejarah itu kita peringati dalam rangka ianya suatu syi'ar agama Islam yang menjadi agama rasmi negara. Sambil itu menyebarkan ajarannya demi kesempurnaan hidup individu dalam keluarga, masyarakat ramai dan bangsanya.

Dalam hubungan itulah setiap tahun kita menetapkan tema-tema tertentu sambutan.

Maka tema utama sambutan tahun ini ialah **Rezeki Halal Mengundang Rahmat Negara Berkat**. Motif tema ini ialah untuk menegaskan lagi bahawa kelangsungan kehidupan beragama yang sempurna, bernegara dan berbangsa yang berkemajuan dengan menguasai ilmu dan kemahiran, bertaraf hidup yang tinggi hendaklah juga disertai dengan ikhtiar dan usaha gigih mencapainya melalui jalan-jalan dan cara-cara halal dan syar'ie, sama ada bagi orang perseorangan mahu pun bagi bangsa dan negaranya.

Cara sedemikian itulah yang diyakini akan mendatangkan rahmat dan berkat kepada semua yang berkenaan.

Alhamdulillah bagi kita di negara ini usaha memajukan dan memantapkan negara dalam semua aspek pembangunannya adalah menerusi jalan-jalan halal, atau patuh syari'ah (*syari'ah compliant*). Kerana kita membangunkan negara dalam semua bidang adalah dengan tidak membelakangkan ajaran agama bahkan kerajaan pimpinan pemerintahan beraja kita adalah

kerajaan yang bermotifkan lima tujuan utama maqasid syar'iah iaitu mewujudkan keperluan-keperluan untuk pelaksanaan tujuan memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan, dan memelihara harta.

Dengan itulah kita yakin negara ini sentiasa mendapat rahmat Allah berupa keamanan, keselamatan yang membawa kesejahteraan.

Gagasan ajaran agama Islam seperti inilah yang ingin kita sebarkan menerusi peringatan hari-hari bersejarahnya seperti peristiwa hijrah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dari Mekah ke Madinah lebih seribu empat ratus tahun dahulu itu.

Dari rentetan peristiwa hijrah itu sendiri ia membekalkan kita umat Islam dengan pengajaran tentang kesetiaan kepada pemimpin, semangat mempertahankan pegangan ajaran Islam yang tulen daripada Allah menerusi nabi dan rasul-Nya Saiyidina Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Selain itu ia mengajarkan tentang kepentingan perancangan yang teliti dengan strategi-strategi yang rapi demi kejayaannya. Kepada baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan para sahabat baginda yang setia, hijrah itu sangat penting dijayakan demi kepentingan keselamatan pemimpin dan penyebaran da'wahnya serta kelangsungan agama Allah yang

disampaikannya, ugama *rahmatan lil 'alamin*.

Sementara dari segi yang lain iaitu hikmah Allah mentakdirkan hijrah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ke Madinah itu berlaku dengan izin-Nya jua.

Tegasnya ialah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menetapkan bahawa penyebaran da'wah dan pelaksanaan yang sempurna ajaran-ajaran Islam sebagai ugama Allah *rahmatan lil 'alamin* itu memerlukan sokongan jentera pemerintahan.

Dengan itu orang-orang Islam wajib mewujudkan negara dan kepimpinannya di wilayah-wilayah yang mereka kuasai di belahan bumi Allah ini.

Maka demikian itu yang terjadi. Negara Islam yang sulung telah tertubuh selepas peristiwa hijrah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Begitulah pada kurun-kurun seterusnya sampai ke zaman sekarang. Orang-orang Islam yang menguasai pemerintahan di wilayah-wilayah yang mereka warisi dan kuasai ada dengan negaranya.

Seperti halnya Brunei kita ini, berpemerintahan Islam sejak lebih enam ratus tahun yang lalu. Dan menerusi pemerintahannya itulah Islam telah kekal didaulatkan di Brunei. Ajaran-ajarannya dipatuhi dan

dijadikan pedoman.

Dengan itu kita secara turun temurun telah bernegarakan Brunei yang kini jelas sepenuhnya dalam kekuasaan pemerintahan beraja Melayu Islam. Dengan itu kita bernegara adalah untuk mendokong pelaksanaan ajaran Islam khasnya dalam lima perkara maqasid syar'iah itu. Dan dengan itu adalah selaras dengan mafhum firman Allah dalam surah al-Hajj ayat 41:

الَّذِينَ إِذَا مَكَتَهُمْ فِي الْأَرْضِ أَخَامُوا الصَّلَاةَ
وَأَتَوْا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا
عَنِ الْمُنْكَرِ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Mafhumnya:

(Iaitu) mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh (berbuat) yang ma'ruf dan melarang daripada (mengerjakan) yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan.

Demikianlah peristiwa hijrah yang kita sambut dan rayakan setiap tahun. Ia membekalkan pengajaran moral dan spiritual beserta hikmah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang mendatangkan rahmat kepada alam sejagat.

Demikianlah pula sekadar untuk maklumat latar belakang peristiwa bersejarah hijrah yang diperingati

setiap menjelang hitungan tahun baharunya yang dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik kita sambut dan rayakannya setiap tahun di peringkat negara dan dengan mengklasifikasikannya sebagai hari bersejarah yang menjadi sebahagian hari-hari kelepasan awam. ●

وبالله التوفيق والهداية،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Makanan

HALAL DAN HARAM DALAM ISLAM

(Dr Noryati binti Haji Ibrahim)

Klasifikasi Makanan Halal dan Haram

Dalam Islam, pengharaman sesuatu perkara termasuk makanan atau minuman ialah sama ada disebabkan zat benda itu sendiri atau kerana sebab lain yang mendatang atau cara memperolehnya. Perkara-perkara yang diharamkan kerana sifat semula jadi yang pada zat benda itu sendiri ialah antaranya khamar, darah, daging khinzir dan sebagainya. Manakala jenis makanan halal yang ada di muka bumi terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

- i. Galian seperti garam, akan tetapi jika jenis galian yang memudharatkan manusia adalah diharamkan seperti gas beracun.
- ii. Tumbuh-tumbuhan, melainkan tumbuh-tumbuhan yang dapat menghilangkan akal manusia, atau merosakkan kesihatan manusia seperti ganja, khamr, opium, dan segala tumbuhan yang memabukkan dan beracun. Ini termasuk juga ubat-ubatan dari tumbuh-tumbuhan yang digunakan dalam kuantiti yang berlebihan (overdose).
- iii. Binatang, terdapat binatang yang boleh dimakan (halal) dagingnya, dan juga binatang yang tidak boleh dimakan (haram) dagingnya. Binatang yang halal tetap menjadi halal apabila cara penyembelihannya secara keseluruhan dilakukan secara syar'ie. Maka binatang yang disembelih tidak mengikut syara' atau yang mati dengan sendirinya menjadi haram untuk dimakan, melainkan dua jenis bangkai iaitu ikan dan belalang.

Perkara-perkara yang diharamkan kerana adanya sesuatu yang mendatang atau cara memperolehinya, bermaksud bahawa asal zat benda itu sememangnya adalah halal. Dalam hal ini, di antara cara perolehan yang dilarang ialah apabila mendapatkan sesuatu makanan halal secara paksaan daripada pemilik makanan tersebut.

Prinsip Penentuan Binatang Halal dan Haram Dimakan

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-An'aam, ayat 145:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خنزيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٤٥﴾

Mafhumnya:

Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): Aku tidak mendapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau makanan itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya ia kotor, atau sesuatu (yang dilakukan secara) fasiq iaitu binatang (halal) yang disembelih untuk yang lain daripada Allah. Tetapi sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana dharurat) sedang dia tidak menginginya dan tidak pula melampaui batas maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-A'raaf, ayat 157:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَاَلَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۗ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

Mafhumnya:

(Iaitu) orang-orang yang mengikut Rasulullah, Nabi yang ummi (Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam) yang (nama dan sifatnya) mereka mendapatinya tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka (berbuat) yang ma'ruf dan melarang mereka daripada (mengerjakan) yang mungkar dan dia menghalalkan bagi mereka yang baik-baik dan mengharamkan ke atas mereka (segala) yang buruk serta membuang daripada mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya dan menolongnya serta mengikut cahaya (al-Qur'an) yang diturunkan kepadanya, mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Maa'idah, ayat 4:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ
الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ
تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فكلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ
وَأذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَانْقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ
الْحِسَابِ ﴿٤﴾

Mafhumnya:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad): "Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" Katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (makanan) yang baik-baik dan (dihalalkan bagi kamu buruan yang ditangkap) oleh binatang yang kamu latih untuk berburu. Kamu melatihnya menurut apa yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untuk kamu dan sebutlah nama Allah ke atasnya (ketika kamu melepaskannya untuk berburu). Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah itu sangat segera hitungan hisab-Nya.

Berdasarkan nash-nash al-Qur'an tersebut, dapat disimpulkan bahwa penentuan permakanan binatang halal dan haram boleh dirujuk kepada tiga prinsip berikut:

i. Prinsip Pertama

Semua binatang yang dianggap elok oleh orang arab yang kemudiannya

diakui halal oleh syara'. Berdasarkan prinsip tersebut antara binatang yang halal ialah:

a) Semua jenis ikan yang hidup di dalam laut. Perkara ini disokong oleh nash-nash di dalam al-Qur'an dan hadits, iaitu:

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Maa'idah ayat 96:

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَنَّاعًا لَّكُمْ
وَالسَّيَّارَةِ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ
حُرْمًا وَانْقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٩٦﴾

Mafhumnya:

Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagi kamu dan juga bagi orang-orang yang dalam perjalanan. Dan diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu berharam. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya kamu akan dihimpunkan.

Menurut sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah, dia berkata:

سَأَلَ رَجُلٌ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،
فَقَالَ: إِنَّا نَرَكِبُ الْبَحْرَ، وَنَحْمِلُ مَعَنَا الْقَلِيلَ
مِنَ الْمَاءِ، فَإِنْ تَوَضَّأْنَا بِهِ عَطِشْنَا، أَفَنَتَوَضَّأُ
مِنْ مَاءِ الْبَحْرِ؟ قَالَ: فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هُوَ الطَّهْرُ مَاؤُهُ، الْحِلُّ مَيْتَتُهُ.

Maksudnya:

Seseorang pernah menanyakan pada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dan berkata: "Kami pernah naik kapal dan hanya membawa sedikit air. Jika kami berwudhu' dengannya, maka kami akan kehausan. Apakah boleh kami berwudhu' dengan air laut?" Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam lantas menjawab: "Air laut itu suci dan bangkainya pun halal."

b) Binatang ternakan iaitu unta, lembu, biri-biri, kambing, seladang, kijang, arnab dan lain-lain, melainkan binatang keldai sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Anas bin Malik pada hari Khaibar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam meminta penyerunya untuk menyampaikan kepada manusia bahawa:

إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يَهَيِّئُكُمْ عَنْ لُحُومِ الْحُمْرِ،
فَإِنَّهَا رَجَسٌ أَوْ نَجَسٌ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah dan rasul-Nya melarang kamu semua daripada memakan daging keldai kerana ia adalah kotor atau najis.

ii. Prinsip Kedua

Semua binatang buas yang mempunyai taring yang kuat untuk menangkap mangsa adalah haram. Binatang tersebut seperti anjing, babi, serigala, beruang, kucing, gajah, singa, harimau bintang dan seumpamanya. Manakala burung yang haram dimakan ialah yang

mempunyai kuku yang kuat dan boleh melukakan seperti burung helang dan burung rajawali.

Pengharaman memakan binatang-binatang tersebut juga ada dijelaskan dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Ibnu 'Abbas, dia berkata:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ، وَعَنْ كُلِّ ذِي مِخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ.

Maksudnya:

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah melarang memakan setiap binatang bertaring dari jenis binatang buas dan setiap jenis burung yang mempunyai kuku untuk mencengkam.

iii. Prinsip ketiga

Semua jenis binatang yang sunat dibunuh adalah haram dimakan. Binatang tersebut seperti ular, kala jengking, gagak, tikus dan semua binatang yang memudaratkan. Sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

خَمْسٌ مِنَ الدَّوَابِّ، كُلُّهُنَّ فَاسِقٌ، يَثْتَلِهِنَّ فِي الْحَرَمِ: الْغُرَابُ، وَالْحِدَاةُ، وَالْعَقْرَبُ، وَالْفَارَةُ، وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ

Maksudnya:

Kesemua lima jenis binatang adalah fasiq, yang boleh dibunuh walaupun di Tanah Haram, iaitu gagak, helang, kala jengking, tikus, dan anjing ganas.

Kesimpulannya, prinsip asas dalam penetapan halal haram makanan iaitu yang halal adalah yang baik dan mendatangkan maslahat, manakala yang haram adalah yang buruk dan memudharatkan.

Pengharaman beberapa makanan seperti khinzir, bangkai, darah dan arak semata-mata untuk menjaga lima keperluan asasi manusia, iaitu agama, jiwa, akal, nasab, dan harta kerana makanan-makanan ini mendatangkan keburukan dan kemudharatan kepada orang yang memakannya jelas terbukti melalui kajian saintifik dan perubatan.

Malahan kesannya dari aspek syakhshiah dan rohaniah juga sangat buruk dari gemar melakukan dosa, tidak dimakbulkan doa dan hingga boleh menyebabkan mendapat seksaan neraka di akhirat sebagaimana amaran Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mengenai perkara ini dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam ath-Thabarani, daripada Huzaifah, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتِ النَّارِ
أَوْلَى بِهِ

Maksudnya:

Tidak akan masuk syurga daging yang tumbuh dari hasil yang haram, dan api nerakalah yang lebih berhak baginya. ●

Lembu atau sapi merupakan binatang yang halal dimakan dalam Islam.



Rezeki Halal Membawa Berkah

Wahai kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya, dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kehidupan kita di dunia ini merupakan satu amanah dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Oleh itu kita hendaklah memanfaatkan kehidupan ini dengan baik mengikut panduan yang telah diajarkan oleh Islam antaranya ialah bekerja sebagai usaha untuk mencari rezeki. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Jumu'ah ayat 10 :

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ
وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Mafhumnya:

Maka apabila sembahyang telah disempurnakan maka bertebaranlah

kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah (apa yang kamu hajati) daripada limpah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beroleh kemenangan.

Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa berusaha mencari rezeki bagi memenuhi tuntutan dan keperluan kehidupan sama ada untuk diri sendiri mahupun orang yang di bawah tanggungan kita. Bekerja mencari rezeki itu juga merupakan ibadah kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Kerana pengertian ibadah itu sebenarnya amat luas, bukan hanya khusus terhadap ibadah sembahyang, puasa, zakat dan haji sahaja, akan

tetapi ibadah itu merangkumi segala bidang dalam aspek kehidupan, dengan syarat semuanya itu didasarkan atas landasan iman dan taqwa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sebenarnya terdapat banyak cara atau jalan yang boleh dilakukan dalam mencari rezeki, tidak semestinya hanya bergantung untuk bekerja dipihak kerajaan atau swasta, tetapi seseorang itu boleh berusaha untuk bekerja sendiri kerana sumber rezeki itu sangat luas. Tidak dinafikan terdapat sebilangan orang yang tidak mempunyai pekerjaan sehingga terpaksa bergantung kepada orang lain untuk menyara kehidupannya. Sebilangan mereka yang tidak bekerja kadang kala disebabkan oleh sikap memilih-milih pekerjaan ataupun bersikap malas sedangkan mereka sihat dan berdaya untuk bekerja. Ada pula yang tidak bekerja kerana hendak

mencari kerja yang senang ataupun merasakan kelulusan yang dimiliki tidak sesuai dengan kerja yang ditawarkan. Inilah sikap negatif yang hanya akan menyusahkan kehidupan mereka dan lebih buruk lagi jika mereka telah mempunyai tanggungan. Selain itu mereka juga akan menjadi beban kepada orang yang menanggung atau menyara hidup mereka.

Namun tidak semua orang bersikap sedemikian, kerana ramai juga orang yang terus berusaha dengan gigih untuk berdikari sehingga sanggup bekerja keras walau dengan pendapatan rendah atau pekerjaan itu tidak bersesuaian dengan kelulusan yang ada. Apa yang penting ialah gaji yang diperolehi itu halal hasil dari usaha mereka sendiri dan tidak bergantung kepada orang lain. Inilah sikap positif yang perlu dipuji dan menjadi contoh kepada semua orang.

Meraih **Keberkatan rezeki halal**

Ketahuiilah bahawa orang yang bekerja mencari rezeki itu bukan hanya akan mendapat hasil dari usahanya, malah mereka akan mendapat ganjaran dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berupa kasih sayang serta pengampunan dari-Nya jua. Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang bermaksud:

Dari Anas *Radhiallahu 'anhu* berkata Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

Barangsiapa yang merasa penat kerana bekerja untuk mencari rezeki yang halal nescaya terampun segala dosanya.

(Riwayat al-Imam as-Sayuthi)

Ahli jemaah yang dirahmati Allah,

Islam telah memberi panduan yang mudah kepada kita dalam usaha untuk mencari rezeki, iaitu hendaklah pekerjaan itu tidak menyalahi hukum syara'. Selain itu kita hendaklah juga berniat ikhlas semata-mata kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta bersikap jujur dan amanah. Sikap jujur dan amanah itu sangat penting kerana dari sikap tersebut akan dapat mengelakkan diri kita dari melakukan sebarang perbuatan yang salah dan berdosa seperti melakukan penipuan, penyelewengan, pecah amanah dan sebagainya, bahkan juga akan dapat menjauhkan diri kita dari melakukan sebarang pekerjaan yang sumber pendapatannya tidak halal seperti berjudi, mencuri, melakukan rasuah, menjual arak dan sebagainya.

Pendapatan yang diperolehi dari sumber yang tidak halal dan haram bukan sahaja tidak berkat dan berdosa, bahkan juga akan mendapat bahaya besar yang lain antaranya:

Pertama: Mereka akan dimasukkan ke dalam neraka: sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, dari Khaulatal Ansariah *Radhiallahu 'anhu* bahawa dia mendengar Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

Bahawasanya orang yang mencampur adukkan harta Allah dengan jalan tidak halal, maka bagi mereka akan mendapat seksa api neraka pada hari kiamat.

Kedua: Doa mereka tidak diterima. Dalam sebuah hadits riwayat Imam Muslim dari Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu baik. Allah tidak menerima kecuali yang baik. Dan Allah memerintahkan kepada orang-orang yang beriman dengan apa yang Dia perintahkan kepada para utusan-Nya.

Kemudian baginda membacakan ayat 51 surah al-Mu'minuun:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَأَعْمَلُوا
صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

Mafhumnya:

Wahai rasul-rasul! Makanlah daripada yang baik-baik (lagi halal) dan kerjakanlah amalan shalih, sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Kemudian baginda membacakan lagi ayat 172 surah al-Baqarah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُؤُوا مِن طَيِّبَاتِ
مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ
إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Mafhumnya:

Wahai! Orang-orang yang beriman! Makanlah makanan yang baik-baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika benar kamu hanya beribadat kepada-Nya.

Kemudian baginda menyebutkan tentang seorang lelaki yang pulang dari perjalanan yang jauh sehingga rambutnya tidak teratur dan penuh dengan debu, kemudian lelaki itu menadahkan tangannya ke langit lalu berdoa: Ya Tuhanku, Ya Tuhanku! Sedangkan makanannya dari yang haram, minumannya dari yang haram, pakaiannya dari yang haram, malahan perutnya juga telah diisi dengan makanan yang haram, maka bagaimanakah Allah mengkabulkan doanya?

Ketiga: Mereka akan ditempatkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke dalam tempat yang paling hina. Sebagaimana disebutkan dalam hadits riwayat Imam al-Baihaqi, dari Ibnu Umar *Radhiallahu 'anhuma* ia berkata bahawa telah bersabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang bermaksud:



Dunia ini manis lagi indah, barangsiapa mencari harta benda di dalamnya dengan jalan yang halal serta ia mahu menginfakkan sesuai dengan haknya, nescaya Allah akan memberi pahala kepadanya berupa syurga. Dan barang siapa mencari rezeki harta benda dengan jalan tidak halal serta dia membelanjakan pada tempat yang bukan haknya, nescaya Allah akan memasukkan dia ke dalam tempat yang hina.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mencari rezeki yang halal adalah wajib atas setiap umat Islam, oleh itu kita hendaklah memastikan sumber rezeki yang diperolehi itu halal supaya kehidupan kita serta keluarga kita

mendapat berkat dan selamat dari api neraka.

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga apa jua pekerjaan yang kita lakukan akan memperolehi rezeki yang baik dan halal, mendapat ganjaran dari Allah dan seterusnya kita semua akan terhindar dari memperolehi hasil pendapatan yang tidak halal. *Amiin Ya Rabbal 'Aalamiin.*

Surah al-Qashash ayat 26 :

﴿لَئِنْ خَيْرٌ مِّنْ أَسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ﴾

Mafhumnya:

...Sesungguhnya sebaik-baik orang yang bapa ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah. ●





Rezeki

Dari Sumber Yang Halal

Sebuah hadits riwayat Imam Ibnu Majah, daripada Salman al-Farisi, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

الْحَلَالُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ، وَالْحَرَامُ مَا حَرَّمَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ، وَمَا سَكَتَ عَنْهُ، فَهُوَ مِمَّا عَفَا عَنْهُ.

Maksudnya:

Halal ialah apa yang telah dihalalkan oleh Allah di dalam kitab-Nya, dan haram ialah apa yang telah diharamkan oleh Allah di dalam kitab-Nya, Dan apa yang didiamkan oleh-Nya, maka ia adalah dari perkara yang dimaafkan untuk kamu.

Bekerja mencari rezeki adalah menjadi suatu kewajiban bagi setiap orang yang beriman. Dengan bekerja maka kita dapat bersedekah dan mengeluarkan zakat dan melakukan amal-amal salih sebanyak yang mungkin. Kewajiban bekerja ada dicatatkan dalam al-Qur'an, surah at-Taubah ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا بِسَيْرِي اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ
وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Mafhumnya:

Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu maka Allah dan

Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat amalan kamu dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Maha Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata lalu Dia memberitahu kepada kamu tentang apa yang kamu telah kerjakan.

Kewajiban mencari rezeki (bekerja) juga ada disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh ath-Thabarani daripada Anas bin Malik, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

طَلَبُ الْحَلَالِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya:

Mencari rezeki yang halal hukumnya wajib atas setiap orang muslim.

Dalil al-Qur'an dan hadits di atas menjelaskan kepada kita bahawa bekerja mencari rezeki yang halal adalah suatu kewajiban terutama bagi mereka yang mempunyai tanggungan dan tanggungjawab. Sama ada tanggungjawab itu untuk memenuhi keperluan sendiri atau orang lain yang di bawah tanggungannya.

Sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* amat kasih kepada orang yang berusaha atau bekerja mencari rezeki dengan titik peluh sendiri di mana dia dapat memenuhi keperluan dan tanggungjawabnya terhadap diri dan keluarga. Malah kedudukan orang yang bekerja lebih mulia daripada orang yang malas bekerja (penganggur) atau meminta-minta daripada orang lain.

Agama Islam tidak melarang umatnya mencari rezeki seberapa banyak pun mengikut kemampuannya asalkan rezeki yang kita diperolehi itu betul-betul halal dan tidak menyimpang dari landasan hukum syara' seperti rasuah, makan harta anak yatim tanpa hak, mencari rezeki dengan memintaminta, riba, perdagangan benda yang memabukkan, perjudian, penipuan dalam timbangan, menjual barang rosak, barang tiruan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun sebagai orang Islam, kita sedia maklum dan jelas apa itu sumber rezeki yang halal dan apa itu sumber rezeki yang haram, tetapi dalam banyak keadaan kita terlepas pandang dan mungkin tidak mengetahui adakah sumber rezeki yang kita perolehi itu halal, haram atau mungkin jatuh dalam kategori syubhah.

Adalah lebih baik sekiranya kita juga dapat menjauhi perkara yang samarasamar atau syubhah dalam mencari rezeki sepertimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada an-Nu'man bin Basyir, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ...

Maksudnya:

Sesungguhnya perkara yang halal itu terang jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu terang jelas, dan di antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara syubhah yang kesamaran yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Barang siapa yang menjaga perkara syubhah maka sesungguhnya dia telah membersihkan agama dan maruah dirinya...

Sehubungan dengan itu, umat Islam perlulah prihatin tentang kepentingan halal dan haram dalam usaha mencari sumber pendapatan kerana ini akan menjamin keberkatan rezeki yang diperolehi dan paling penting

mendapat keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firman-Nya di dalam al-Qur'an, surah al-Baqarah ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُؤُومِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا
طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ
عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Mafhumnya:

Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu.

*Carilah Rezeki
yang Halal*

Bukan Cari Rezeki yang Banyak



Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menguatkan lagi hakikat ini menerusi sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam ath-Thabarani, baginda bersabda:

مَنْ نَبَتَ لَحْمَهُ مِنْ سُحْتٍ فَالْتَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya daging yang dibesarkan dengan perkara yang haram, maka nerakalah yang lebih utama untuknya.

Kita perlu ingat bahawa hanya rezeki yang halal sahaja mesti dicari kerana di situlah letaknya keberkatan dan ganjaran daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sebaliknya rezeki yang diambil daripada punca yang haram akan memberikan kesan yang tidak baik, baik pada diri kita sendiri, keluarga, masyarakat mahupun kita dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Pendapatan yang diperolehi dengan cara haram adalah kekal haram dan ia tidak akan dapat dibersihkan walaupun

dibelanjakan ke arah kebaikan seperti bersedekah bahkan tidak akan mendapat manfaat atau ganjaran pahala melainkan ianya sebagai bekalan ke neraka.

Oleh itu, kita mestilah berhati-hati dalam mencari rezeki. Apalah gunanya mempunyai kekayaan di dunia ini tetapi segala ibadat dan amal bakti tidak diredhai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, disebabkan sifat rakus di dalam mencari harta hingga sanggup mencampuradukkan dan tidak memperdulikan antara yang halal dan yang haram.

Hadits riwayat Imam Ibnu Hibban, daripada Abu Hatim, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ.

Maksudnya:

Sesungguhnya tidak akan masuk syurga daging yang tumbuh dari makanan haram. ●



Terap Kesedaran Mengenai Halal Haram Dalam Pemakanan

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا
وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

(Surah al-Baqarah :168)

Mafrumnya:

Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu.

Sebagai umat Islam, halal dan haram itu adalah meliputi segala aspek kehidupan. Namun sebagai orang Islam, pemilihan makanan, minuman dan barang gunaan yang halal adalah menjadi satu keutamaan kita kerana memakan makanan dan minuman yang halal, suci dan tiada najis itu merupakan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang sangat jelas kepada umat Islam.

Dalam surah al-Baqarah ayat 168 ini, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan manusia untuk memakan makanan yang halal dan

thayyib (حَلَالًا طَيِّبًا). Dalam Tafsir al-Mishbah menjelaskan bahawa seruan untuk memakan makanan halal pada ayat ini adalah ditujukan kepada seluruh manusia sama ada yang beriman ataupun sebaliknya.

Imam Ibnu Katsir dalam tafsirnya berpendapat bahawa penjelasan mengenai *Halalan Thayyiban* dalam ayat ini adalah sebagai berikut: "Sesuatu yang baik, tidak membahayakan tubuh dan fikiran."

Perintah memakan rezeki yang *halalan thayyiban* itu juga dijelaskan dalam

firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Maa'idah ayat 88:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ
الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Mafhumnya:

Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.

Konsep Halalan Thaiyiban

Halal (حلال) berasal daripada kalimah Arab iaitu (حَلَّ - يَحِلُّ - حِلٌّ) yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syara'.

Pemakanan halal merangkumi dua perkara, iaitu halal pada zatnya dan halal pada cara memperolehnya. Halal pada zatnya bermakna makanan tersebut sememangnya berasal dari yang halal seperti daging lembu, ayam, sayur dan lain-lain.

Manakala halal dalam cara memperolehnya bermakna makanan tersebut diperolehi dengan cara yang sah dan dibenarkan menurut syara' seperti yang diperolehi melalui perniagaan, bercucuk tanam, pemberian dan sebagainya.

Perkataan *Thaiyib* (طَيِّب) adalah kalimah arab berasal dari perkataan *thaba* (طَاب) yang bererti baik, lazat, menyenangkan, enak, dan ni'mat atau boleh juga diertikan sebagai bersih dan suci.

Pada dasarnya, halal dan *thaiyib* saling melengkapi antara satu sama lain. Namun konsep *thaiyib* itu memberi makna dan erti yang lebih luas daripada konsep halal. Ini termasuklah kepada kuantiti yang diambil oleh pengguna. Menurut Ibnu Katsir, *thaiyib* dalam ayat ini adalah baik itu sendiri, tidak berbahaya bagi tubuh atau pikiran.

Sebahagian ulama berpendapat bahawa perkataan "*halalan thaiyiban*" dalam ayat ini ertinya makanan yang dihalalkan Allah adalah makanan yang juga berguna bagi tubuh, yang tidak merosakkan, tidak menjijikkan dan tidak bertentangan dengan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sesungguhnya setiap perkara yang dihalalkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu adalah sangat bermanfaat bagi manusia itu sendiri, sama ada untuk kebaikan fizikal ataupun mental.

Secara kesimpulan, *halalan thaiyiban* itu meliputi enam elemen penting iaitu:

Halal, berkhasiat, selamat, bersih, tiada syubhah dan sejahtera. Selain itu elemen kualiti juga adalah penting bagi memenuhi prinsip halalan *thaiyiban* di mana kehalalan sesuatu makanan adalah terjamin. Ini adalah melibatkan semua proses yang terlibat iaitu perladangan, pengangkutan, penyimpanan, pemprosesan, pembungkusan, penghantaran dan penyajian.

Justeru, konsep *halalan thaiyiban* merupakan sebuah konsep tentang

makanan dan minuman yang harus diamalkan bukan sahaja oleh umat Islam tetapi juga seluruh manusia termasuk orang bukan Islam.

Tingkatkan Kesedaran Mengenai Pemakanan Halal

Sebagai umat Islam, ianya adalah menjadi tanggungjawab kita untuk meningkatkan kesedaran dan menitikberatkan pemakanan halal dengan memastikan logo halal dalam setiap produk makanan harian kita. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kita bersyukur kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat menitikberatkan penjagaan pemakanan halal di negara ini mengikut garis panduan syara'.

Justeru, memakan makanan halal adalah selaras dengan *maqashid syari'ah* iaitu untuk melindungi dan memelihara aqidah, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pengambilan makanan halal memberikan kesan dan manfaat yang sangat besar terhadap jiwa dan kerohanian manusia serta pembinaan syakhshiah seorang muslim. Bahkan pengaruh makanan halal itu adalah sangat besar terhadap kualiti hubungan kita dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan bukanlah ia sekadar hanya untuk mengisi perut sahaja.

Menurut Imam Ibnu Katsir, makanan halal adalah antara sebab diterima amal ibadat dan dimakbulkan segala doa-doa. Di samping itu kesannya juga adalah ketenteraman jiwa,

membersihkan hati dan menjaga tingkah laku yang baik. Malah bagi sesiapa yang sentiasa menjaga pemakanan daripada yang haram dan syubhah bagi dirinya dan keluarganya adalah dianggap berjuang menegakkan agama Allah *Subhanahu wa Ta'ala* seperti orang yang berjihad dan syahid.

Manakala, pendedahan pelbagai risiko dan kesan buruk melalui kajian saintifik mengenai makanan-makanan yang diharamkan dalam Islam jelas menunjukkan pengharaman tersebut adalah suatu rahmat bagi seluruh umat manusia agar terhindar dari segala bentuk kerosakan dan kemudharatan. Sebagai contoh, pengharaman alkohol itu adalah kerana perkara tersebut boleh menjejaskan kesihatan mental seperti kecelaruan tingkah laku dan fikiran; keresahan dan kebingungan; kekeliruan; hilang ingatan sementara atau kekal; kemurungan; kecenderungan untuk membunuh diri; psikosi dan sebagainya.

Kesimpulannya, semua yang halal itu akan mendatangkan kebaikan atau manfaat sedangkan perkara haram itu akan mendatangkan keburukan di dunia dan di akhirat. Justeru Islam itu adalah *rahmatan lil 'alamin*, maka tidak ada satupun ketetapan-Nya itu sia-sia, ini termasuklah ketentuan halal haram ini.

Pemakanan Syubhah atau Diragui Kehalalannya

Dr Noryati Haji Ibrahim, Penolong Pengarah
JHES, KHEU.

Pendahuluan

Makanan merupakan keperluan *dharuri* manusia untuk pertumbuhan dan perkembangan fizikal, mental dan spiritual. Dalam Islam, pemilihan pemakanan halal merupakan suruhan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang banyak dijelaskan di dalam nash-nash tentang manfaat dan kesannya yang positif kepada fizikal, mental dan spiritual manusia malahan faktor pendorong untuk meningkatkan tahap ketaqwaan seseorang muslim.

Begitu juga sebaliknya larangan bagi pengambilan pemakanan haram seperti khinzir, arak, binatang yang tidak disembelih dan lain-lain adalah semata-mata untuk mengelakkan kemudharatan dan kesan buruk yang menimpa seseorang yang mengambilnya sehingga menyebabkan dosa dan dimurkai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Rasulullah

Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam hadits baginda menggariskan panduan yang jelas bahawa setiap muslim perlu mengutamakan sesuatu yang halal, menghindari sesuatu yang haram dan menjauhi setiap yang *syubhah*.

Di Negara Brunei Darussalam, perkara halal dan haram membabitkan pemakanan diberi perhatian serius

oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) merupakan autoriti yang berkuasa mengeluarkan sijil halal bagi memastikan pemakanan halal di negara ini adalah terjamin dan menepati kehendak syara'. Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan halal yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal di bawah Jabatan Hal Ehwal Syari'ah telah memperkukuhkan lagi usaha ke arah penjagaan dan pengawalan hal ehwal halal di negara ini.

Walau bagaimanapun dalam era kini, terdapat muslim yang tidak sensitif dengan isu pemakanan dan kurang senang terhadap tindakan autoriti yang menyekat pengedaran dan penjualan produk-produk makanan di pasaraya-pasaraya atau di kedai-kedai tempatan. Mereka bertanggungjawab bahawa pemilihan makanan adalah hak individu dan sebarang implikasi atau dosa akibat daripada perbuatan mereka adalah urusan mereka dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan biarlah mereka menanggungnya sendiri.

Selain halal dan haram, *syubhah* juga merupakan penanda aras syara' bagi sesuatu pemakanan yang tidak jelas status halal haramnya. *Syubhah* sinonim dengan ungkapan 'diragui kehalalannya' yang sering dipersoalkan

apakah maksud sebenarnya sehingga memberikan pelbagai tafsiran. Kebanyakan pihak mentafsirkan ungkapan ini adalah sama ada makanan haram itu sendiri seperti daging khinzir atau makanan yang mengandungi bahan yang diharamkan seperti lemak khinzir dan sebagainya. Walhal skop pengertian *syubhah* adalah lebih luas dari itu dan jika perkara ini diambil ringan boleh menyebabkan seseorang muslim terjebak dengan dosa sebagaimana yang ditekankan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap muslim untuk bersikap '*ihtiyathi*' atau berhati-hati dalam memilih pemakanan sama ada untuk dirinya atau keluarganya dan berusaha untuk mengetahui atau mengkaji status halal dan haram pemakanan tersebut.

Oleh yang demikian, artikel ini akan memfokuskan konsep *syubhah* dalam perspektif hukum syara' merangkumi pengertian *syubhah*, kategori dan hukumnya. Di samping itu, dasar perundangan berkaitan dengan *syubhah* dan perlaksanaannya juga dikupas secara ringkas untuk meninjau sejauh mana usaha pihak-pihak autoriti tertentu dalam menangani isu pemakanan *syubhah* di negara ini. Semoga artikel ini memberikan manfaat dan memberikan kefahaman yang baik tentang *syubhah* dalam pemakanan apatah lagi dengan kemajuan sains dan teknologi kini umat Islam didedahkan dengan pelbagai produk moden yang bersifat variasi, segera dan menarik namun sukar untuk disahkan status halalanya.

Syubhah dalam Perspektif Hukum Syara'

Penjelasan mengenai syubhah disebutkan di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim daripada 'Aamir, dia berkata: "Aku mendengar an-Nu'man bin Basyir berkata, aku mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

الْحَلَالُ بَيْنَ، وَالْحَرَامُ بَيْنَ، وَبَيْنَهُمَا
مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ
اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ،
وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ: كَرَاعٍ يَزْعَمِي حَوْلَ
الْحِمَى، يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ
مَلِكٍ حِمَى، أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ
مَحَارِمُهُ.

Maksudnya:

Perkara yang halal itu jelas, yang haram itu juga jelas dan di antara keduanya ada perkara-perkara syubhah yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Sesiapa yang menjauhi perkara-perkara syubhah, dia telah memelihara agama dan maruahnya. Manakala sesiapa yang terjebak dalam perkara-perkara syubhah, dia umpama seorang penggembala yang mengembala ternakannya di sekitar kawasan larangan yang dibimbangi akan tergelincir ke dalamnya. Sesungguhnya bagi setiap penguasa ada larangannya dan larangan Allah di dunia milik-Nya adalah perkara-perkara yang diharamkan-Nya.

Perkataan *syubhah* berasal daripada kalimah Arab iaitu *syibhu*, *syabahu* dan *syabihu* yang bermaksud keraguan, kebimbangan atau tiada tentu. Manakala dari sudut terminologi, *syubhah* bermaksud sesuatu perkara yang samar dan tidak diketahui sama ada ianya halal atau haram, hak atau bathil, malah ditakuti hakikatnya dan disyaki padanya. Imam al-Ghazali mentakrifkan *syubhah* sebagai perkara yang samar-samar disebabkan berlakunya pertembungan antara dua pegangan yang timbul dari dua bukti atau sebab. Pada asasnya, syubhah tidak mempunyai ciri-ciri tertentu sebagaimana makanan halal dan haram yang dihuraikan jenis-jenisnya dengan dalil-dalil yang jelas di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah. *Syubhah* memerlukan 'ijtihad' atau pemikiran tersendiri untuk menentukan statusnya. *Syubhah* berlaku apabila terdapat percampuran antara yang halal dengan yang haram dan sukar dikenalpasti hukumnya, mungkin ianya lebih dekat kepada yang halal dan atau ianya lebih dekat kepada yang haram.

Dengan perkembangan revolusi teknologi masa kini, pelbagai jenis makanan moden dihasilkan melalui proses pengubahsuaian sama ada dari genetik ataupun aditif dicampurkan ke dalam makanan kemudiannya dilabelkan nama-nama saintifik atau kod-kod tertentu yang sukar difahami orang awam. Tidak dinafikan penggunaan aditif seperti *gelatin*, *emulsifier*, *enzim*, *perasa*, *alcohol antioxidant*, *animal shortening*, *renin/rennet/ polysorbate*, *glycerine*,

collagen dan lain-lain memberikan banyak manfaat dalam meningkatkan kualiti, menambahkan keenakan dan memantapkan kesegaran makanan. Sebagai contoh, aditif boleh membantu menahan roti dari ditumbuhi kulat, mengekalkan kuah salad (salad *dressing*) dari berpisah dan mengekalkan aiskrim dari membentuk hablur ais. Begitu juga dengan makanan yang melalui proses pengubahsuaian genetik secara teknologi (*Genetic Modified Food* atau *GMF*) membolehkan makanan boleh didapati sepanjang tahun, dalam jumlah yang banyak dan baik mutunya serta memperbaiki nilai pemakanan dengan mempunyai perisa yang pelbagai dan sedap dimakan. Secara ringkasnya, senario produk makanan yang berteknologi tinggi ini bersifat segera, bervariasi dan menarik. Namun yang menjadi keraguan ialah statusnya yang tidak jelas sama ianya benar-benar halal atau sebaliknya. Ini adalah kerana bahan-bahan ini boleh didapati dari dua sumber iaitu sumber haiwan dan sumber tumbuhan.

Orang yang terlibat dalam pembuatan makanan sama ada muslim atau bukan muslim juga faktor penting untuk menghilangkan sebarang keraguan dalam penghasilan makanan tersebut. Perkara ini ditekankan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam buku Fatwa "Isu-Isu Produk Halal" bahawa sebuah kedai makan yang tidak terlepas daripada menempatkan orang bukan Islam sama ada sebagai pemilik, pengurus atau pelaksana, tidak akan

terlepas daripada dikaitkan dengan elemen-elemen *syubhah*. Oleh itu, *syubhah* disimpulkan sebagai sesuatu yang sangat subjektif.

Sesuai dengan kepentingannya, *syubhah* telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh para 'ulama termasuk kategori-kategori *syubhah* serta hukumnya. Menurut Ibn Hajar di dalam Kitab 'Fathul Bari' dalam membahaskan hadits tersebut bahawa ulama' berselisih pendapat mengenai hukum *syubhah* di mana sebahagian ulama' menghukumkannya sebagai haram dan manakala sebahagian ulama' yang lain berpandangan bahawa hukum *syubhah* adalah makruh.

Al-Ghazali dalam Ihya 'Ulumuddin pula telah merungkaikan beberapa kategori *syubhah* dalam hal percampuran perkara halal dengan yang haram dengan menjelaskan hukum bagi *syubhah-syubhah* tersebut antaranya:

(i) *Syubhah* tentang suatu perkara sama ada hukumnya halal atau haram. Kategori *syubhah* ini mempunyai empat perkara berikut, iaitu:-

- Sesuatu perkara yang sudah diketahui sebelumnya tentang keharamannya dan kemudiannya timbul keraguan tentang kehalalannya, seperti binatang buruan yang jatuh ke sungai kemudian apabila diangkat ianya sudah mati. Maka memakan daging binatang tersebut adalah haram dan tiada langsung keraguan mengenainya.

- Sesuatu perkara yang sudah diketahui tentang kehalalannya dan kemudian disebabkan keadaan yang tertentu, keraguan telah timbul sama ada kehalalannya atau kesahannya masih kekal. Contohnya ialah seorang lelaki yang ragu-ragu adakah dia telah menjatuhkan talak kepada isterinya atau tidak. Maka keraguan dalam hal ini bagi seseorang yang takut Allah *Subhanahu wa Ta'ala* hendaklah meninggalkan keraguannya tersebut.
 - Sesuatu perkara yang asalnya memang sudah dianggap haram, tetapi berlaku satu sebab baru yang menimbulkan keyakinan bahawa perkara tersebut menjadi halal. Contohnya seperti seseorang memarah seekor binatang yang tiba-tiba menghilang dan kemudiannya dia menjumpai binatang itu mati dan terdapat bekas anak panahnya ditubuh binatang tersebut. Keraguan tentang status kehalalan binatang tersebut timbul kerana kematiannya tidak dapat dipastikan sama ada disebabkan terkena anak panah milik pemburu atau sememangnya binatang itu sudah mati disebabkan perkara lain dan dalam hal ini binatang tersebut adalah dianggap sebagai bangkai dan haram untuk dimakan. Maka seseorang yang takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* hendaklah menahan dirinya untuk memakan daging binatang tersebut.
 - Sesuatu yang sudah diketahui tentang halalnya, tetapi akhirnya menjadi haram disebabkan oleh sesuatu yang ditetapkan oleh syara' seperti bejana yang halal tetapi timbul keraguan jika terdapat najis di dalamnya. Maka meminum air daripada bejana tersebut menjadi haram.
- (ii) Perkara yang haram dan halal yang bercampur dan tidak diasingkan yang mana menimbulkan keraguan tentang kehalalannya. Kategori *syubhah* ini mempunyai tiga perkara berikut, iaitu:-
- Percampuran satu benda haram dengan benda halal dalam jumlah yang sedikit seperti daging kambing yang tidak disembelih bercampur dengan daging kambing yang disembelih secara sah. Jika terdapat tanda-tanda yang menunjukkan ada percampuran dengan daging tidak disembelih (bangkai), maka memakan daging-daging tersebut adalah haram.
 - Percampuran benda haram dalam jumlah yang terhad dengan benda halal dalam jumlah yang banyak seperti dua orang perempuan adik-beradik bercampur dengan perempuan-perempuan lain di suatu bandar. Maka mana-mana perempuan dalam bandar tersebut boleh dikahwini jika dua beradik tersebut tidak dapat dikenal pasti.
 - Percampuran benda haram dengan yang halal yang keduanya dalam jumlah yang

banyak. Jika dapat dipastikan mana yang haram maka hukumnya halal untuk menggunakan atau menikmati perkara-perkara yang halal tersebut. Contohnya tentera Yazid merampas harta orang-orang Madinah selama tiga hari akan tetapi para sahabat tidak melarang orang ramai dari berjual beli barangan di pasar Madinah yang juga termasuk harta-harta yang ditinggalkan tersebut.

(iii) Apa-apa perbuatan dosa yang menjadi sebab untuk menjadikan sesuatu itu halal berkaitan dengan tiga perkara, iaitu sama ada dengan perkara itu sendiri seperti memotong kayu dengan kapak hasil curi; atau pada kesudahannya seperti menjual anggur kepada peniaga arak; atau permulaannya seperti memakan daging kambing yang memakan rumput yang dicuri; atau perkara lain sebagai pertukaran dengan perkara yang awal seperti membeli sesuatu barang secara hutang kemudian membayarnya dengan wang yang diperolehi secara tidak sah. Semua perbuatan ini bukanlah sesuatu yang tidak halal tetapi perbuatan-perbuatan dosa yang ada kaitan dengan perbuatan halal ini boleh membuka jalan kepada dosa. Oleh itu, ulama' berselisih pendapat mengenai hukum melakukan perbuatan-perbuatan tersebut dan membahagikannya kepada tiga tahap dosa jika dilakukan sama ada dosa paling besar, sederhana dan kecil. Sebagai contoh, perbuatan halal yang terkait dengan perbuatan dosa pada awalnya ialah memakan

daging kambing yang memakan rumput yang diambil secara haram dihukumkan sebagai berdosa besar; manakala meminum dari saluran air yang dibina oleh raja yang kejam tidak sebesar dosa kerana memakan daging kambing tersebut.

Dengan huraian-huraian tersebut jelaslah bahawa apabila berhadapan dengan masalah pemakanan yang diragui kedudukannya, tiada langkah yang lebih baik selain dari mengambil sikap berhati-hati, peka, cerewet dan tidak sambil lewa. Malahan bersifat *wara'* adalah dituntut dalam Islam apatah dalam hal pemakanan yang boleh membawa pengaruh negatif terhadap akhlak, rohani dan amal ibadat. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah menggariskan untuk meninggalkan apa sahaja yang meragukan atau tidak dapat dipastikan kedudukannya sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Abu al-Haura' as-Sa'diyyi, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda:

دَعْ مَا يَرِيْبُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيْبُكَ

Maksudnya:

Tinggalkan apa yang meragukanmu kepada apa yang tidak meragukanmu.

Di samping itu, *wara'* juga salah satu sifat taqwa yang menjadi ukuran seorang muslim untuk mendapat darjat yang tinggi dan kemuliaan di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Dalam sebuah

hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada 'Athiyah as-Sa'diyyi Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda:

لَا يَبْلُغُ الْعَبْدُ أَنْ يَكُونَ مِنَ الْمُتَّقِينَ حَتَّى
يَدَعَ مَا لَا بَأْسَ بِهِ حَدْرًا لِمَا بِهِ الْبَأْسُ.

Maksudnya:

Seorang hamba tidak akan sampai pada darjat orang-orang muttaqin sehingga dia meninggalkan sesuatu yang tidak ada apa-apanya kerana khuwatir ada apa-apanya.

Untuk lebih jelasnya, wara' orang Islam mempunyai tingkatan-tingkatan yang tertentu tertakluk bagaimana mereka menyikapi perkara *syubhah* sebagaimana menurut Imam al-Ghazali, iaitu:

(i) Tingkatan pertama ialah orang Islam yang menghindarkan perkara-perkara haram setakat yang disyariatkan oleh syara' dan ini secara umumnya sifat majoriti muslim. Mereka memiliki tingkatan ketaqwaan yang paling rendah yang dinamakan wara' orang-orang adil.

(ii) Tingkatan kedua ialah orang yang menjauhkan diri daripada segala perkara *syubhah* yang membawa kepada haram. Ini adalah selaras dengan peringatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* apabila timbul keraguan mengenai binatang buruan iaitu untuk memakan binatang yang terdapat tanda bekas panahan

dan mati di depannya, dan sebaliknya untuk tidak memakan binatang yang cedera di luar pandangan yang kemudian dijumpai mati di hadapannya. Ini adalah sifat *wara'* para shalihin.

(iii) Tingkatan ketiga ialah *wara'* orang-orang bertaqwa yang meninggalkan hatta perkara-perkara halal yang bebas dari keraguan. Sebagai contoh bahawa cucu Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah memasukkan sebiji anggur kering untuk dizakatkan ke dalam mulutnya dan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menyuruh cucu baginda untuk membuangnya. Ini adalah sifat *wara'* orang-orang *muttaqin*.

(iv) Tingkatan keempat ialah orang-orang yang meninggalkan perkara-perkara halal yang bebas dari sebarang keraguan dengan mengambil yang benar-benar penting sahaja. *Wara'* seperti ini dilakukan oleh orang-orang yang benar (*shiddiqin*). Sebagai contoh, seseorang yang enggan meminum air dari saluran air yang digali oleh seorang raja yang kejam meskipun ianya halal.

Dasar dan Usaha Kerajaan KDYMM dalam Menangani Isu Pemakanan *Syubhah*

Di Negara Brunei Darussalam, Perintah Sijil Halal dan Label halal, 2005 (PSHLH) mentakrifkan sijil halal dan label halal sebagai 'tidak mengandungi apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau *syubhah*, menurut hukum syara'. Peruntukan ini jelas menunjukkan

bahawa sesuatu makanan atau produk makanan yang disahkan halal oleh Majlis Ugama Islam (MUIB) bukan hanya merujuk kepada makanan itu tidak melibatkan sebarang bahan yang haram tetapi juga bahan-bahan atau perkara *syubhah*. Ini menguatkan lagi jaminan halal pada produk makanan yang diberikan pensijilan halal MUIB tersebut disebabkan pendekatan pengertian 'halal' yang begitu ketat. MUIB melalui jawatankuasa yang dilantik apabila meneliti bahan-bahan ramuan sesuatu makanan atau produk makanan yang dipohonkan pengesahan halal berpegang kepada Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam khasnya bahan-bahan yang tidak jelas kedudukan halalhnya sepertimana berkaitan dengan isu pewarna merah berasal dari *Cochineal* yang diberi kod C.I. 75470 atau E120. Perkara ini menjadi kekeliruan dan menimbulkan *syubhah* di kalangan masyarakat Islam disebabkan pengesahan halal oleh beberapa negara Islam terhadap produk-produk yang mengandungi *cochineal* walhal Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam sebaliknya menghukumkannya sebagai najis yang diharamkan orang Islam memakannya. Oleh itu, dalam aspek pensijilan halal di negara ini, syarikat yang memegang sijil halal atau permit halal tidak dibenarkan untuk menggunakan sebarang produk atau bahan ramuan yang mengandungi *cochineal* atau pewarna merah yang mempunyai kod E120.

Pengawalan produk makanan import di Negara Brunei Darussalam adalah

berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang digariskan dalam Akta Kesihatan (Makanan), Pengal 182 di bawah bidangkuasa *Brunei Darussalam Food Authority*. Walau bagaimanapun dalam menangani produk makanan import yang diragui kehalalannya, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Syari'ah juga memainkan peranan penting. Beberapa langkah tertentu telah diambil termasuk arahan pengasingan dari penjualan umum dan seterusnya pengisytiharan melalui pelbagai *platform* tentang status produk sama adaiannya haram atau *syubhah*. Langkah-langkah ini melibatkan penelitian ke atas kandungan bahan-bahan ramuan; mendapatkan pengesahan tentang sijil halal dan maklumat lanjut mengenai penghasilan produk melalui syarikat pengeluar di luar negara; pengambilan dan penghantaran sampel ke Kementerian Kesihatan untuk dianalisa kandungannya jika mengandungi DNA binatang atau *khinzir* termasuk alkohol. Ini hakikatnya bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan kerana produk import bukan di bawah bidangkuasa MUIB maupun Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). Tindakan yang diambil oleh KHEU walaupun bersifat pentadbiran tetapi mempunyai impak yang besar kerana dapat menghindarkan pengguna Islam terjebak daripada mengambil atau memakan produk tidak halal atau *syubhah*. Akhir-akhir ini, hasil dari aduan dan kepekaan orang ramai, beberapa produk makanan luar negara yang didapati tidak halal atau *syubhah* telah diarahkan untuk tidak

dijual kepada umum dan diasingkan ke ruangan *non-halal*. Produk-produk tersebut antaranya beberapa produk sos cecah keluaran Doritos seperti *nacho cheese medium salsa, hot salsa*, yang disahkan mengandungi alkohol; berus pastri janama *Food Guru* yang didapati diperbuat dari bulu *khinzir* yang jika digunakan oleh restoran atau syarikat pengeluar produk makanan telah menyebabkan ramai pengguna Islam terjebak memakan makanan haram. Pengesahan daripada syarikat pengeluar tentang ketiadaan pensijilan halal dikeluarkan bagi sesuatu produk merupakan faktor yang sangat penting dalam menentukan kedudukan halal produk-produk ini. Apatah lagi jika syarikat tersebut juga mengeluarkan produk tidak halal melalui kilang yang sama. Kedudukan *syubhah* di sini boleh dilihat ianya lebih cenderung kepada haram.


Kes penyeludupan daging yang semakin meningkat di negara ini juga sering dipersoalkan tentang status kehalalan daging-daging tersebut dari sudut syara'. Apatah lagi jika daging yang diseludup mempunyai logo halal. Walau bagaimanapun undang-undang dan polisi kemasukan daging halal di negara ini hendaklah melalui prosedur-prosedur yang ditetapkan termasuk penghantaran dua orang Pegawai Pemerhati ke pusat-pusat penyembelihan di luar negara untuk menyaksikan keseluruhan proses dan aktiviti penyembelihan binatang dalam semua peringkat sehingga daging-daging dimasukkan ke dalam kontena yang akan dihantar ke Negara Brunei

Darussalam. Pendekatan ini mungkin dilihat sangat ketat dan menyukarkan tetapi ianya satu langkah '*ihthyathi*' (berhati-hati) untuk memastikan integriti halal daging-daging yang dijual dan dimakan oleh rakyat negara ini terjamin selaras dengan tuntutan syara' terutamanya dalam menangani *syubhah* apatah lagi jika daging tersebut diimport dari pusat-pusat penyembelihan di negara-negara bukan Islam. Apa yang berlaku di negara jiran pada beberapa tahun yang lalu tentang kejadian '*meat cartel*' yang berlaku hampir 40 tahun di mana daging-daging halal dicampurkan dengan yang tidak halal dan dijual di pasaran dapat dijadikan pengajaran dan teladan bagi Negara Brunei Darussalam untuk mengekalkan '*status quo*' pada masa ini dengan pelaksanaan undang-undang dan dasar negara yang mencerminkan sikap tegas terhadap kemasukan daging mentah halal dari luar negara sesuai dengan prinsip siyasah syari'ah demi menjaga kemaslahatan umat Islam secara umum.

Berdasarkan huraian tersebut, isu makanan *syubhah* menjadi satu polemik yang sentiasa berlegar mengikut peredaran zaman. Namun sebagai orang Islam digesa untuk mengambil sikap berhati-hati dan meninggalkan perkara *syubhah* dalam kehidupan, agar bebas dari kecaman dan kebinasaan sekaligus dapat memelihara aqidah serta kehormatan. Ini kerana perkara *syubhah* bukanlah sesuatu yang boleh diputuskan sewenang-wenangnya melainkan setelah diteliti latar belakangnya serta

diperhalusi dalil-dalil syara' yang ada. Perkara penting yang perlu difahami sebagaimana peringatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengenai perkara *syubhah* ialah untuk bertanya kepada orang yang mempunyai ilmu pengetahuan mengenainya. Maka dalam bab pemakanan halal dan haram, pihak berautoriti di negara ini yang boleh dirujuk tentang persoalan hukum syara' ialah Jabatan Mufti Kerajaan. Manakala Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Majlis Ugama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Syari'ah merupakan autoriti-autoriti yang sesuai untuk dirujuk tentang persoalan mengenai peruntukan undang-undang mahupun dasar MUIB mengenai halal. Malahan penubuhan Bahagian Kawalan Makanan Halal di bawah Jabatan Hal Ehwal Syari'ah memainkan peranan penting dalam mengawal, memantau, mengkaji dan memeriksa hal ehwal pemakanan dari aspek halal haramnya khususnya yang diberikan sijil halal MUIB. ●

Syubhah ialah sesuatu perkara yang tidak dapat dipastikan halal atau haram, contohnya makanan yang tiada logo halal yang diiktiraf.



Keindahan dan Ni'mat Syurga

PENDAHULUAN

Keinginan menghuni syurga menyebabkan manusia berusaha untuk beribadah bagi memenuhi impian itu. Tidak ada suatu pun benda yang ada di syurga menyerupai dengan yang ada di dunia kecuali pada namanya sahaja.

Abu Hurairah berkata, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang maksudnya: "Sekiranya kamu mahu, bacalah ayat ini, seperti mana firman Allah dalam surah *as-Sajdah*, ayat 17 yang mafhumnya: Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui berapa banyak ni'mat yang disembunyikan untuk mereka daripada segala ni'mat yang menyenangkan hati sebagai ganjaran bagi apa yang mereka telah kerjakan."

TINGKAT-TINGKAT SYURGA

Al-Qur'an tidak ada menerangkan secara jelas mengenai tingkat-tingkat syurga dan jumlahnya, namun ada beberapa ayat al-Qur'an yang menggambarkan bahawa syurga itu memang mempunyai tingkat, antaranya dalam surah al-Ghaasyiah ayat 10:

فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ۝

Mafhumnya:

Di dalam syurga yang tinggi (tempat kedudukan darjatnya).

Para ulama menyatakan bahawa syurga itu mempunyai seratus tingkat

dan setiap tingkat berbeza dengan tingkat yang lain. Perbezaannya sangat besar sekali. Ini disokong oleh sebuah hadits yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhari, at-Tirmidzi, Ibnu majah, Ahmad dan al-Baihaqi, daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anh*u bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّ فِي الْجَنَّةِ مِائَةَ دَرَجَةٍ أَعَدَّهَا اللَّهُ
لِلْمُجَاهِدِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ مَا بَيْنَ الدَّرَجَتَيْنِ
كَمَا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya di dalam syurga itu ada seratus tingkat, Allah menyediakannya

untuk orang-orang yang berjihad di jalan Allah. Jarak di antara satu tingkat dengan tingkat yang lain adalah seperti jarak di antara langit dan bumi.

SIFAT DAN KEADAAN SYURGA

Keadaan syurga tidaklah dapat dijelaskan dengan sebenar-benarnya, kerana keadaan kehidupan di akhirat tidak sama sepertimana keadaan kehidupan di dunia ini. Namun begitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menggambarkan sifat dan keadaan syurga melalui firman-Nya.

Letak dan Keluasan Syurga

Dalam al-Qur'an Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menggambarkan bahawa syurga terletak berdekatan dengan *sidratulmuntaha* seperti yang tersebut di dalam surah an-Najm ayat 13 hingga 15:

وَلَقَدْ رَآهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾
عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ ﴿١٥﴾

Mafhumnya:

Dan demisesungguhnya diatelah melihat Jibril (dengan rupanya yang asal) sekali lagi. (Iaitu) di Sidratulmuntaha. Di sisi Sidratulmuntaha itu ada Jannatulma'wa.

Sidaratulmuntaha ialah sebuah tempat di mana Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* berhenti dalam perjalanan ketika mi'raj baginda.

Mengenai keluasan syurga pula, keluasannya sebanding dengan luasnya

langit dan bumi sebagaimana yang dijelaskan dalam surah Aali-'Imraan ayat 133:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ
وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ
لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Mafhumnya:

Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa.

Pintu-pintu Syurga

Al-Qur'an menyebut yang syurga itu mempunyai pintu-pintu. Perkara ini dijelaskan di dalam surah az-Zumar ayat 73 mengenainya:

وَسِيقَ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ إِلَىٰ الْجَنَّةِ
زُمُرًا حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهَا وَفُتِحَتْ أَبْوَابُهَا
وَقَالَ لَهُمْ خَزَنَتُهَا سَلَامٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ
فَادْخُلُواهَا خَالِدِينَ ﴿٧٣﴾

Mafhumnya:

Dan orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka (pula) akan dibawa ke syurga secara berombongan, sehingga apabila mereka sampai ke syurga yang pintu-pintunya telah terbuka dan berkatalah penjaga-penjaganya kepada mereka: Salam ke atas kamu. Berbahagialah kamu maka

masuklah ke dalam syurga ini, kamu kekal di dalamnya.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* mengisyaratkan bahawa terdapat lapan buah pintu di syurga sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Ahmad, Ibnu Hibban dan Abu Daud daripada 'Uqbah bin 'Amir bahawa Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ يَتَوَضَّأُ فَيَبْلُغُ أَوْ فَيُسْبِغُ الْوُضُوءَ ثُمَّ يَقُولُ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ إِلَّا فُتِحَتْ لَهُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ الثَّمَانِيَةِ يَدْخُلُ مِنْ أَيِّهَا شَاءَ.

Maksudnya:

Tiadalah seorang pun daripada kamu yang berwudhu' dan menyempurnakan wudhu'nya kemudian membaca: "Aku naik saksi bahawa tiada tuhan selain Allah. Dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad adalah hamba Allah dan pesuruh-Nya," melainkan pasti dibukakan baginya lapan buah pintu syurga yang dia sendiri bebas untuk memasuki mengikut kehendaknya.

Hadits ini menegaskan bahawa orang yang benar-benar menyempurnakan wudhu'nya dibukakan baginya lapan buah pintu syurga yang dia sendiri bebas untuk memasuki mengikut kehendaknya.

Dalam al-Qur'an tidak disebutkan dengan jelas mengenai pintu-pintu

syurga itu. Namun beberapa hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ada menceritakan mengenainya, antaranya dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, daripada Sahl bin Sa'ad *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

فِي الْجَنَّةِ ثَمَانِيَةُ أَبْوَابٍ فِيهَا بَابٌ يُسَمَّى الرَّيَّانَ لَا يَدْخُلُهُ إِلَّا الصَّائِمُونَ.

Maksudnya:

Di dalam syurga terdapat lapan pintu, antaranya sebuah pintu yang dinamakan ar-Rayyan tidak seorang pun memasukinya kecuali orang-orang yang berpuasa.

Makan dan Minum Ahli Syurga

Dalam beberapa ayat al-Qur'an yang berasingan menceritakan bahawa ahli syurga akan menikmati jamuan yang berupa makanan dan minuman lazat yang mereka inginkan seperti yang dijelaskan dalam surah ath-Thuur ayat 22 hingga 23:

وَأَمَّا دَرَبُهُمْ بِفَلَكَهَاتِهِمْ وَلِحْمٍ مِمَّا يَشْتَهُونَ ﴿٢٢﴾
يَنْزِعُونَ فِيهَا كَأْسًا لَا لَعْنٌ فِيهَا وَلَا تَأْنِيَةٌ ﴿٢٣﴾

Maafumnya:

Dan Kami mengurniakan kepada mereka tambahan yang berupa buah-buahan dan daging daripada segala jenis yang mereka ingini. Di dalam syurga itu mereka saling menghulurkan gelas yang isinya tidak

menimbulkan perkara yang sia-sia (ketika meminumnya) dan tidak pula mendatangkan dosa.

Dan diriwayatkan daripada Imam Muslim daripada Jabir, dia mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

إِنَّ أَهْلَ الْجَنَّةِ يَأْكُلُونَ فِيهَا وَيَشْرَبُونَ وَلَا يَنْفُلُونَ وَلَا يَبُولُونَ وَلَا يَتَغَوَّطُونَ وَلَا يَمْتَخِطُونَ قَالُوا فَمَا بَالُ الطَّعَامِ قَالَ جُشَاءٌ وَرَشْحٌ كَرَشْحِ الْمِسْكِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya ahli syurga makan dan minum, mereka tidak berludah, tidak membuang air kecil, tidak membuang air besar dan tidak mengeluarkan hingus, orang-orang bertanya: "bagaimana jadinya semua makanan itu?" Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menjawab: "Semuanya menjadi sendawa dan peluh yang keluar dengan bau yang wangi seperti kasturi."

Peralatan Makan dan Minum

Setelah menjelaskan bahawa ahli syurga dihidangkan dengan pelbagai jenis hidangan mengikut keinginan masing-masing, maka bagaimana pula peralatan yang digunakan ketika makan dan minum? Di dalam syurga disediakan beberapa peralatan makan dan minum seperti gelas, pinggan, cerek, bejana dan sebagainya. Peralatan-peralatan tersebut antaranya diperbuat daripada emas sebagaimana yang diterangkan dalam surah az-Zukhruf ayat 71:

يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِصِحَافٍ مِّنْ ذَهَبٍ وَأَكْوَابٍ
وَفِيهَا مَا تَشْتَهِيهِ الْأَنْفُسُ وَتَلَذُّ الْأَعْيُنُ
وَأَنْتُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٧١﴾

Mafhumnya:

Diedarkan kepada mereka pinggan-pinggan dan gelas-gelas daripada emas, dan di dalam syurga itu pula disediakan segala yang diinginkan serta dipandang indah oleh mata dan (dikatakan kepada mereka:), "Kamu kekal di dalamnya."

Dan ada juga yang diperbuat daripada bahan berkilat umpama kaca tetapi sebenarnya ia diperbuat daripada perak seperti yang disebut dalam surah al-Insan ayat 15 hingga 16:

وَيُطَافُ عَلَيْهِمْ بِذَاتِ بَيْنَةٍ مِّنْ فِضَّةٍ وَأَكْوَابٍ كَانَتْ قَوَارِيرًا ﴿١٥﴾
قَوَارِيرًا مِّنْ فِضَّةٍ قَدَّرُوهَا تَقْدِيرًا ﴿١٦﴾

Mafhumnya:

Dan diedarkan kepada mereka bejana daripada perak dan gelas-gelas minuman yang seperti kaca. Gelas-gelas yang seperti kaca itu (diperbuat) daripada perak, pelayan-pelayan menuangkan isinya mengikut kehendak penggunanya.

Pakaian dan Perhiasan

Mengenai pakaian dan perhiasan bagi ahli syurga sama ada lelaki mahupun perempuan mereka memakai pakaian yang serba indah,

tidak dapat dibandingkan dengan pakaian dan perhiasaan yang ada di dunia. Bahannya diperbuat daripada sutera halus dan tebal serta gelang-gelang emas dan perak serta mutiara sebagaimana yang tersebut dalam ayat surah al-Kahfi ayat 31 :

أُولَٰئِكَ لَهُمْ جَنَّتٌ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمُ
الْأَنْهَارُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ
ثِيَابًا أَخْضَرَ مِنْ سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُتَّكِينَ فِيهَا
عَلَى الْأَرَائِكِ نِعْمَ الثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾

Mafhumnya:

Mereka itulah yang akan mendapat syurga-syurga 'Adn yang mengalir di bawah (tempat kediaman) mereka sungai-sungai, di dalam syurga itu mereka dihiasi dengan gelang-gelang emas dan mereka memakai pakaian sutera hijau yang halus dan yang tebal, di dalamnya mereka duduk sambil bersandar di atas pelamin-pelamin yang berhias. Itulah sebaik-baik pahala dan sebaik-baik tempat bersenang-senang.

Dan juga diterangkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Ahmad, an-Nasa'ie dan Ibnu Hibban daripada Anas bin Malik:

أُهْدِيَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جُبَّةٌ
مِنْ سُندُسٍ وَكَانَ يَيْهَى عَنْ الْحَرِيرِ فَعَجِبَ

النَّاسُ مِنْهَا فَقَالَ: وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ إِنَّ
مَنَادِيلَ سَعْدِ بْنِ مُعَاذٍ فِي الْجَنَّةِ أَحْسَنُ مِنْ
هَذَا.

Maksudnya:

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah dihadihkan dengan sepasang jubah sutera yang halus sedangkan baginda menegah lelaki memakai pakaian daripada sutera. Orang ramai pun merasa ta'jub dengan kecantikannya. Rasulullah pun bersumpah: "Demi jiwa Muhammad yang ada di tangan-Nya. Sesungguhnya sapu tangan-sapu tangan Sa'ad bin Mu'az di syurga lebih bagus dari ini.

Kelengkapan Tidur

Ahli syurga juga disediakan dengan peralatan tempat tidur yang selesa dengan katil-katil yang indah, tempat tidur yang bertatahkan emas dan permata, bantal dan tilam yang empuk dan permaidani yang terhampar indah.

Allah Subhanahu wa Ta'ala menerangkan tentang keselesaan takhta-takhta kebesaran yang tersedia di syurga dalam beberapa ayat antaranya dalam surah al-Waaqi'ah ayat 15:

عَلَى سُرُرٍ مَوْضُونَةٍ ﴿١٥﴾

Mafhumnya:

(Mereka duduk di dalam syurga itu) di atas sofa-sofa yang bertatahkan emas dan permata.

Ada juga ayat yang menjelaskan tentang tempat berbaring ahli syurga yang terdiri dari pelamin-pelamin seperti dalam surah ath-Thuur ayat 20:

مُتَّكِنِينَ عَلَى سُرُرٍ مَّصْفُوفَةٍ وَزَوَّجْنَاهُمْ بِحُورٍ عِينٍ ﴿٢٠﴾

Mafhumnya:

Mereka bersandar di atas sofa-sofa yang tersusun, dan Kami mengurniakan kepada mereka pasangan bidadari yang bermata indah.

Di samping itu syurga juga tersedia dengan susunan bantal agar ahlinya berasa selesa sebagaimana yang dijelaskan dalam surah al-Ghaasyiah ayat 15:

وَنَارِقُ مَصْفُوفَةٍ ﴿١٥﴾

Mafhumnya:

Dan bantal-bantal yang tersusun.

Dan juga disediakan dengan hamparan permaidani-permaidani sebagaimana yang tersebut dalam surah al-Ghaasyiah ayat 16:

وَزَرَائِبٍ مَّبْتُوثَةٍ ﴿١٦﴾

Mafhumnya:

Serta hamparan-hamparan yang terbentang.

Sungai Syurga

Dalam syurga terdapat air sungai yang mengalir begitu tenang agar ahli-ahlinya boleh menikmati dengan rasa

yang nyaman dan tenteram. Dalam al-Qur'an tidak kurang daripada 33 ayat yang menerangkan bagaimana wujudnya beberapa batang sungai di dalam syurga. Antaranya firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah Muhammad, ayat 15:

مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وَعَدَ الْمُتَّقُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِنْ مَّاءٍ غَيْرِ آسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِنْ لَبَنٍ لَمْ يَتَغَيَّرْ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِنْ حَمْرٍ لَذَّةٍ لِلشَّارِبِينَ وَأَنْهَارٌ مِنْ عَسَلٍ مُصَفًّى وَهُمْ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَمَعْفَرَةٌ مِنْ رَبِّهِمْ كَمَنْ هُوَ خَالِدٌ فِي النَّارِ وَسُقُوا مَاءً حَمِيمًا فَقَطَّعَ أَمْعَاءَهُمْ ﴿١٥﴾

Mafhumnya:

Perumpamaan syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa itu (ialah di dalamnya ada sungai-sungai daripada air yang tidak berubah (rasa dan baunya), dan sungai-sungai daripada susu yang tidak berubah rasanya, serta sungai-sungai daripada arak yang lazat rasanya bagi orang-orang yang meminumnya, dan juga sungai-sungai daripada madu yang suci bersih. dan di dalamnya mereka mendapat berjenis-jenis buah serta keampunan daripada Tuhan mereka. (Adakah mereka yang tinggal kekal di dalam syurga yang sedemikian itu keadaannya) sama dengan orang yang tinggal kekal di dalam neraka dan diberi minum daripada air yang mendidih sehingga memotong-motong usus mereka? (sudah tentu tidak sama).

Dalam sebuah hadits shahih yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Hakim bin Muawiyah dari ayahnya bahwa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَحْرَ الْمَاءِ وَبَحْرَ الْعَسَلِ وَبَحْرَ
اللَّبَنِ وَبَحْرَ الْحَمْرِ ثُمَّ تُشَقُّ الْأَنْهَارُ بَعْدُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya di surga ada lautan air, lautan madu, lautan susu dan lautan arak, kemudian sungai-sungai itu dialirkan setelah ahli surga memasukinya.

Melalui ayat al Qur'an dan hadits ini jelas sekali bahwa sungai di surga ada bermacam-macam. Allah telah menjanjikan ganjaran bagi orang yang bertaqwa iaitu sungai yang airnya mempunyai ciri-ciri berikut:

- Air yang tidak berubah rasa dan baunya.
- Air susu yang tidak berubah rasa.
- Air anggur (arak) yang lazat dan tidak memabukkan bagi peminumnya.
- Madu yang disaring bening.

Diriwayatkan bahwa di dalam surga ada sebuah sungai yang dinamakan al-Kautsar dan ia merupakan sebaik-baik pemberian Allah, sebagaimana yang tersebut dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh imam Ahmad daripada ibnu 'Umar *Radhiallahu*

'anhu bahwa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

الْكَوْثَرُ نَهْرٌ فِي الْجَنَّةِ حَافَتَاهُ مِنْ ذَهَبٍ وَالْمَاءُ
يَجْرِي عَلَى اللُّؤْلُؤِ وَمَاؤُهُ أَشَدُّ بَيَاضًا مِنَ اللَّبَنِ
وَأَحْلَى مِنَ الْعَسَلِ.

Maksudnya:

Al-Kautsar merupakan sungai yang terdapat di surga. Pinggir sungai ini terdiri daripada emas, airnya mengalir di atas mutiara, sedang airnya lebih putih daripada susu dan lebih manis daripada madu.

Tumbuh-tumbuhan dan Buah-buahan Syurga

Di dalam surga ditumbuhi dengan pelbagai jenis tanam-tanaman, pokok-pokok rendah dan buah-buahan yang banyak. Antaranya ialah pohon bidara dan pokok pisang seperti yang disebut dalam surah al-Waaqi'ah ayat 28 hingga 29:

فِي سِدْرٍ مَخْضُودٍ ﴿٢٨﴾ وَطَلْحٍ مَّنضُودٍ ﴿٢٩﴾

Mafhumnya:

(Mereka bersenang-senang) di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri. Dan pohon-pohon pisang yang bersusun-susun buahnya.

Dan juga antara buah yang dijelaskan di dalam al Qur'an yang terdapat di dalam surga ialah buah kurma dan delima sebagaimana yang diterangkan dalam surah ar-Rahmaan ayat 68:

فِيهَا فَاكِهَةٌ وَنَخْلٌ وَرُمَّانٌ ﴿٦٨﴾

Mafhumnya:

Di dalam kedua-dua syurga itu terdapat buah-buahan dan kurma serta delima.

Manakala buah-buahan yang terdapat di syurga itu sangat rendah dan mudah dipetik, seperti yang diterangkan dalam surah ar-Rahmaan ayat 54:

مُتَّكِنِينَ عَلَى فُرُشٍ بَطَائِنُهَا مِنْ إِسْتَبْرَقٍ وَجَنَى الْجَنَّتَيْنِ دَانٍ ﴿٥٤﴾

Mafhumnya:

Mereka bersandar pada tempat-tempat tidur yang bahagian dalamnya (diperbuat) daripada sutera tebal. Dan buah-buahan kedua-dua syurga itu mudah dipetik dari dekat.

Pertuturan Ahli Syurga

Ahli syurga berbual-bual seperti juga di dunia. Namun pertuturan di syurga mengandungi perkataan-perkataan yang hanya diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sahaja, bukannya perkataan yang kotor, keji

dan sia-sia. Hal ini ditegaskan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Ghaasyiah ayat 10-11:

فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿١٠﴾ لَا تَسْمَعُ فِيهَا النَّغِيَّةَ ﴿١١﴾

Mafhumnya:

(Mereka tinggal) di dalam syurga yang tinggi. Mereka tidak mendengar di dalamnya perkataan yang sia-sia.

Dan juga ada diterangkan di dalam surah al-Waaqiah ayat 25- 26:

لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لُعَاوًا وَلَا نَخَايَةً ﴿٥٥﴾ إِلَّا قِيلًا سَلَامًا سَلَامًا ﴿٥٦﴾

Mafhumnya:

Mereka tidak mendengar di dalam syurga itu perkataan yang sia-sia dan tidak pula perkataan yang menyebabkan dosa. Tetapi (mereka hanya mendengar) ucapan salam (daripada malaikat dan sesama mereka).

Kedua-dua ayat tersebut menjelaskan bahawa ahli syurga itu hanya menuturkan perkataan baik yang berupa salam dan yang diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semata-mata. ●

Kenal & Faham al-Qur'an

Al-Qur'an merupakan satu himpunan mesej yang dinamakan wahyu daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada utusan-Nya, Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Ia adalah sumber utama kepada ajaran Islam. Berikut adalah 10 keterangan mengenai al-Qur'an:

1. Apakah surah yang dinamakan dengan salah satu nama hari?

Surah al-Jumu'ah.

2. Apakah surah yang dinamakan dengan salah satu nama waktu sembahyang?

Surah al-Fajr dan Surah al-'Ashr.

3. Apakah surah yang paling agung di dalam al-Qur'an?

Surah al-Faatihah.

Sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits daripada Abu Sa'id bin al-Mu'alla bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda kepadanya:

”لَأُعَلِّمَنَّكَ سُورَةَ هِيَ أَعْظَمُ السُّورِ فِي الْقُرْآنِ قَبْلَ أَنْ تُخْرَجَ مِنَ الْمَسْجِدِ“. ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِي فَلَمَّا أَرَادَ أَنْ يُخْرَجَ قُلْتُ لَهُ: ”أَلَمْ تَقُلْ لَأُعَلِّمَنَّكَ سُورَةَ هِيَ أَعْظَمُ سُورَةٍ فِي الْقُرْآنِ؟“ قَالَ: ”الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، هِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُوتِيْتَهُ“.

Maksudnya:

Adakah engkau mahu sekiranya aku mengajarkan surah yang paling agung di dalam al-Qur'an sebelum engkau

keluar dari masjid? Lalu baginda pun memegang tanganku ketika kami hendak keluar lalu aku berkata: “Wahai Rasulullah! Bukankah tadi engkau bersabda adakah engkau mahu sekiranya aku mengajarkan surah yang paling agung di dalam al-Qur’an?” Baginda bersabda: “الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،” (surah al-Faatihah), itulah tujuh ayat yang diulang-ulang dan bacaan yang agung (al-Qur’an al-‘Azhim) yang diberikan kepadaku.

(Hadits Riwayat Imam al-Bukhari)

4. Apakah surah yang dinamakan dengan nama buah-buahan?

Surah at-Tiin.

5. Apakah surah yang dinamakan dengan nama-nama haiwan?

Surah al-Baqarah (Lembu Betina) / Surah an-Nahl (Lebah) / Surah an-Naml (Semut) / Surah al-‘Ankabut (Labah-Labah) / Surah al-Fiil (Gajah).

6. Apakah surah yang dinamakan dengan nama sungai?

Surah al-Kautsar. Sungai al-Kautsar ialah sebuah sungai yang terdapat di syurga.

7. Apakah surah yang dinamakan dengan nama peperangan?

Surah al-Ahzaab. Perang al-Ahzaab adalah peperangan yang dilancarkan oleh tentera-tentera

bergabung terdiri daripada orang-orang Yahudi, munafiq, dan musyrikin Mekah terhadap orang-orang Islam Madinah.

8. Apakah ayat yang paling agung di dalam al-Qur’an?

Ayat kursiy.

Firman Allah Subhanahu wa Ta’ala dalam surah al-Baqarah, ayat 255:

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
 سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا
 فِي الْاَرْضِ مَن ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
 اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا
 خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ
 اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ
 وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا
 وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Mafhumnya:

Allah, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang Tetap Hidup, yang Kekal selama-lamanya Mentadbir (sekalian makhluk-Nya). Dia tidak mengantuk dan tidak juga tidur. Milik-Nya apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Tiada siapa yang dapat memberi syafa’at (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada ilmu

Allah melainkan daripada apa yang dikehendaki-Nya. Luasnya Kursiy Allah meliputi langit dan bumi. Dan tidak berat bagi-Nya untuk memelihara kedua-duanya (langit dan bumi). Dan Dia (Allah) yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya) dan Maha Besar (Kekuasaan-Nya).

Sebagaimana disebutkan di dalam sebuah hadits daripada Ubay bin Ka'ab Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bertanya kepadanya:

أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ
أَعْظَمُ؟ قَالَ: قُلْتُ: اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
الْحَيُّ الْقَيُّومُ، قَالَ: فَضْرَبَ فِي صَدْرِي
وَقَالَ: وَاللَّهِ لِيَهْنِكَ الْعِلْمُ أَبَا الْمُنْذِرِ

Maksudnya:

Adakah engkau tahu ayat mana yang paling agung dalam al-Qur'an?" Ubay menjawab: "Ayat kursiy." Maka Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menepuk dada Ubay kemudian bersabda: "Wahai Abu Mundzir, semoga engkau berbahagia dengan ilmu yang engkau miliki.

(Hadits Riwayat Imam Muslim)

9. Apakah surah yang disebut pada setiap ayatnya lafaz al-Jalalah (الله)?

Surah al-Mujaadalah yang mengandungi sebanyak 22 ayat.

10. Berapakah jumlah lafaz al-Jalalah (الله) disebut di dalam al-Qur'an?

2,697 kali. ●

Saiyidatina

KHADIJAH BINTI KHUWAILID

Nama lengkapnya ialah Khadijah binti Khuwailid bin Asad bin Abdul 'Uzza bin Qushai bin Kilab bin Murrah bin Ka'ab bin Luwai bin Ghalib bin Fihir. Khadijah dilahirkan di Mekah pada tahun 68 sebelum hijrah. Catatan sejarah menyebutkan bahawa garis salasilah Khadijah dengan garis salasilah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bertemu pada moyang mereka iaitu Qushai bin Kilab, yang merupakan salah seorang pemimpin besar Mekah sebelum kedatangan Islam.

Bapa Saiyidatina Khadijah, Khuwailid bin Asad termasuk dalam golongan elit bangsa Quraisy yang memiliki kemuliaan nasab dan memangku kehormatan serta kedudukan, hartawan dan dermawan. Manakala ibunya adalah Fatimah binti Zaidah bin Al-Asy'am bin Harim bin Rawahah bin Hajar bin 'Abdi bin Ma'ish bin Amir bin Luwai bin Ghalib bin Fihir.

Saiyidatina Khadijah merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya dan tercatat sebagai wanita paling kaya di Kota Mekah dengan berlatar belakang keluarga yang terkenal sebagai pedagang kaya yang giat

bekerja. Sebelum berkahwin dengan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, Saiyidatina Khadijah sudah pernah berkahwin sebanyak dua kali. Perkahwinan pertamanya adalah dengan Abu Halah an-Nabbasy bin Zurarah at-Tamim dan dianugerahi seorang anak lelaki. Setelah Abu Halah meninggal dunia, Khadijah berkahwin buat kali kedua dengan Atiq bin Abid al-Makhzum. Ketika perkahwinannya yang kedua inilah usaha perniagaan Khadijah berkembang maju dengan pesatnya. Setelah suaminya yang kedua meninggal dunia, ramai tokoh-tokoh bangsawan dan hartawan dari kaum Quraisy telah melamarnya.

Namun semua lamaran tersebut ditolak dengan baik.

Sayidatina Khadijah telah menguruskan perniagaannya sendiri dan dibantu oleh beberapa orang yang dipercayainya seperti Maisarah. Maisarah adalah anak saudara Saiyidatina Khadijah dan pernah keluar berniaga bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam beberapa kafilah perdagangan. Dia telah menceritakan kejujuran dan kebijaksanaan baginda berniaga, sehingga berjaya menarik hati Saiyidatina Khadijah untuk mengamanahkan kafilah dagangannya kepada baginda untuk didagangkan ke beberapa tempat.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah menerima tawaran Saiyidatina Khadijah. Baginda pun membawa barang dagangan Saiyidatina Khadijah pergi ke Syam dengan diiringi oleh Maisarah iaitu pembantu Saiyidatina Khadijah. Perniagaan mereka berjalan dengan baik dan lancar sehingga mengaut keuntungan yang berlipat ganda. Maisarah juga dapat merasakan kelainan dan keistimewaan ketika menjalankan perniagaan bersama baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Setelah urusan perniagaan mereka di Syam selesai, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan Maisarah pun segera pulang ke Mekah dan terus menemui Sayidatina Khadijah. Saiyidatina Khadijah pun bertanya tentang barang dagangan dan tentang Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Maka Maisarah pun segera

menyampaikan berita gembira mengenai kejayaan perniagaan mereka kepada beliau. Maisarah juga menceritakan beberapa kejadian luar biasa yang disaksikannya berlaku ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Seterusnya dia menceritakan tentang keistimewaan, kehebatan dan kebijaksanaan baginda. Saiyidatina Khadijah mendengarkan cerita Maisarah itu dengan tekun dan asyik. Beliau bukan sahaja tertarik untuk mendengar mengenai kepandaian baginda berniaga, malah hatinya juga sudah terpaut dengan keperibadian dan kemuliaan akhlak baginda.

Saiyidatina Khadijah memendam perasaannya sendirian dan malu untuk meluarkannya kepada orang lain. Beliau juga sedar mengenai perbezaan umurnya dengan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan merasakan belum tentu baginda sudi menerimanya sebagai teman hidup. Namun sahabat baiknya Nafisah mengetahui kegelisahan dan keresahan jiwanya. Lalu Saiyidatina Khadijah telah meluahkan perasaan dan isi hatinya terhadap Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* kepada sahabatnya itu.

Saiyidatina Khadijah telah mengutus Nafisah untuk menyatakan hasratnya yang ingin menjadikan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai suaminya. Setelah Nafisah menyampaikan hasrat tersebut, dan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* pun menerima tawaran itu dengan baik. Nafisah pun segera pulang untuk menyampaikan berita gembira itu kepada Saiyidatina Khadijah.

Manakala Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menyampaikan berita gembira tersebut kepada pakcik baginda Abu Talib, Abbas dan Hamzah. Setelah kedua belah pihak telah bersetuju. Maka pada hari yang telah dijanjikan berlangsunglah majlis pernikahan antara Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan Saiyidatina Khadijah binti Khuwailid dengan mahar sebanyak dua puluh ekor anak lembu. Saiyidatina Khadijah adalah wanita pertama yang dinikahi Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Baginda tidak berkahwin dengan wanita lain semasa hayat Saiyidatina Khadijah dan baginda hanya berkahwin lain setelah Sayidatina Khadijah meninggal dunia.

Kerukunan dan kebahagiaan rumah tangga mereka sentiasa dibajai perasaan cinta dan kasih sayang, saling memahami dan tidak pernah berselisih faham terhadap suatu masalah. Rumah tangga mereka penuh kedamaian, ketenteraman, aman dan bahagia. Sebagai pengikat kasih sayang, mereka dikurniakan enam orang cahaya mata iaitu Al-Qasim, Zainab, Abdullah, Ruqayyah, Ummu Kaltsum dan Fatimah az-Zahra'. Bagaimanapun, kedua-dua putera mereka Al-Qasim dan Abdullah meninggal dunia ketika masih kecil. Saiyidatina Khadijah sentiasa berada di samping baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam apa jua keadaan, baik dalam suka mahupun duka. Perkara ini dapat dibuktikan ketika baginda menerima wahyu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang pertama. Baginda pulang ke rumah dalam ketakutan lalu meminta Khadijah segera menyelimutinya

sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, daripada Aisyah Ummul Mu'minin bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

رَمَلُونِي، رَمَلُونِي، فَرَمَلُوهُ حَتَّى ذَهَبَ عَنْهُ
الرَّوْعُ، فَقَالَ لِحَدِيَجَةَ وَأَخْبَرَهَا الْخَبَرَ: لَقَدْ
حَشَيْتُ عَلَى نَفْسِي، فَقَالَتْ حَدِيَجَةُ: كَلَّا،
وَاللَّهِ، مَا يُخْزِيكَ اللَّهُ أَبَدًا، إِنَّكَ لَتَصِلُ الرَّحِمَ
وَتَحْمِلُ الْكَلَّ وَتَكْسِبُ الْمَعْدُومَ وَتَقْرِي
الصَّيْفَ وَتُعِينُ عَلَى نَوَائِبِ الْحَقِّ.

Maksudnya:

Selimuti aku, selimuti aku! Baginda pun diselimuti hingga hilang ketakutannya. Lalu baginda menceritakan peristiwa yang terjadi kepada Khadijah: Aku mengkhawatirkan diriku. Maka Khadijah berkata: Demi Allah, Allah tidak akan menyusahkanmu selamanya, kerana engkau adalah orang yang menyambung silaturrahim, memikul beban orang lain, mengusahkan sesuatu yang tidak ada, memuliakan tetamu dan sentiasa membela faktor-faktor kebenaran.

Saiyidatina Khadijah adalah orang pertama yang beriman dan memberi sokongan kepada baginda. Beliaulah yang selalu memberi dorongan dan menjadi tunggak kekuatan baginda dalam melaksanakan da'wah, bersedia mengorbankan harta benda dan jiwa raga demi mendaulatkan Islam. Di samping itu, beliau jugalah yang memainkan peranan sebagai penolong dan pembantu pada waktu-

waktu yang sukar dan penuh ujian, sebagai pembela dan pelindung baginda daripada ancaman orang-orang musyrikin Quraisy. Maka tidak hairanlah jika beliau juga turut merasakan pahit maungnya perjuangan mengembangkan ajaran Islam sebagaimana keperitan yang dirasakan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Saiyidatina Khadijah juga dianggap sebagai tulang belakang awal gerakan da'wah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, maka sudah pasti beliau juga menghadapi berbagai cabaran, cemuhan, lontaran kata-kata keji yang menyakitkan hati, bahkan lontaran batu sehingga melukai tubuhnya. Namun kecekalan hati dan keteguhan sikap bagindalah yang menjadikan Saiyidatina Khadijah pun bertambah kukuh dan teguh untuk sentiasa berada di samping baginda.

Masa terus berlalu, peristiwa demi peristiwa yang dialami dan dilalui oleh Khadijah memberi kesan yang sangat mendalam di jiwanya. Hal ini nampak dari sikapnya dan amalannya yang rela mengorbankan apa yang dimilikinya demi kemajuan dan memperjuangkan agama Islam ketika itu.

Saiyidatina Khadijah wafat ketika berusia 65 tahun, iaitu pada tahun ke sepuluh kenabian Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Semenjak pemergian beliau, baginda merasakan kepedihan yang sangat mendalam. Ini kerana, baginda bukan hanya kehilangan isteri yang setia, malah baginda kehilangan seorang pembantu dan pembela dalam meneruskan

perjuangan untuk menyeru manusia ke jalan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tidak lama kemudian, pada tahun yang sama, kesedihan baginda semakin bertambah dengan pemergian bapa saudara baginda Abu Thalib yang juga banyak membela dan memberi perlindungan dalam menyebarkan da'wah Islam. Tahun tersebut dikenali dengan *عام الحزن* iaitu 'Tahun Kesedihan'.

Keistimewaan Saiyidatina Khadijah

Orang Pertama Memeluk Islam

Hadits riwayat Imam Ahmad daripada 'Aisyah berkata:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ذَكَرَ خَدِيجَةَ، أَتَى عَلَيَّهَا فَأَحْسَنَ الثَّنَاءِ. قَالَتْ: فَغَزْتُ يَوْمًا، فَقُلْتُ: مَا أَكْثَرَ مَا تَذْكُرُهَا حَمْرَاءَ السِّدْقِ، قَدْ أَبَدَكَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ بِهَا خَيْرًا مِنْهَا، قَالَ: مَا أَبَدَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ خَيْرًا مِنْهَا، قَدْ آمَنْتَ بِي إِذْ كَفَرَ بِي النَّاسُ، وَصَدَّقْتَنِي إِذْ كَذَّبَتْنِي النَّاسُ، وَوَأَسَّنِي بِمَالِهَا إِذْ حَرَمَنِي النَّاسُ، وَرَزَقَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَلَدَهَا إِذْ حَرَمَنِي أَوْلَادَ النَّسَاءِ.

Maksudnya:

Apabila Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam mengingat Khadijah, baginda selalu memujinya dengan sebaik-baik pujian. Maka pada suatu hari aku merasa cemburu lalu aku berkata: Alangkah sering engkau mengingat wanita yang ujung bibirnya telah memerah, padahal Allah telah menggantikan untuk engkau yang lebih baik darinya. Serta merta

Rasulullah bersabda: “Allah ‘Azza wa Jalla tidak pernah menggantikan untukku yang lebih baik darinya, dia adalah wanita yang beriman kepadaku di saat manusia kafir kepadaku, dan dia membenarkanku di saat manusia mendustakan diriku, dan dia juga memudahkanku dengan hartanya di saat manusia menutup diri mereka dariku, dan Allah ‘Azza wa Jalla telah mengurniakan anak kepadaku dengannya ketika Allah tidak mengurniakan anak kepadaku dengan isteri-isteri yang lain.

Wanita Terbaik di Dunia dan Akhirat

Hadits riwayat Imam Muslim daripada Ali Radhiallahu ‘anhu berkata bahawa Nabi Shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

خَيْرُ نِسَائِهِمَا مَرْيَمُ بِنْتُ عِمْرَانَ وَخَيْرُ نِسَائِهِمَا
حَدِيجَةُ بِنْتُ خُوَيْلِدٍ.

Maksudnya:

Wanita yang paling baik pada zamannya adalah Maryam binti Imran dan wanita yang paling baik pada zamannya adalah Khadijah binti Khuwailid.

Dengan kata lain bahawa, Maryam dan Saiyidatina Khadijah adalah wanita terbaik di zaman masing-masing.


Orang Pertama Menerima Salam daripada Allah

Hadits riwayat Imam al-Bukhari daripada Abu Hurairah berkata:

أَتَى جِبْرِيلُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:
يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذِهِ خَدِيجَةُ. قَدْ أَتَتْكَ مَعَهَا إِنَاءٌ
فِيهِ إِدَامٌ أَوْ طَعَامٌ أَوْ شَرَابٌ. فَإِذَا هِيَ أَتَتْكَ،
فَاقْرَأْ عَلَيْهَا السَّلَامَ مِنْ رَبِّهَا عَزَّ وَجَلَّ وَمِثِّي.
وَبَشِّرْهَا بِبَيْتٍ فِي الْجَنَّةِ مِنْ قَصَبٍ لَا صَحْبَ
فِيهِ وَلَا نَصَبَ.

Maksudnya:

Pada suatu ketika Jibril pernah datang kepada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam sambil berkata; Ya Rasulullah, ini dia Khadijah. Ia datang kepada engkau dengan membawa bekalan berisi lauk pauk (makanan ataupun minuman). Oleh kerana itu, apabila ia datang kepada engkau, maka sampaikanlah salam dari Allah Subhanahu wa Ta’ala dan dariku kepadanya. Selain itu, beritahukan pula kepadanya bahawa rumahnya di syurga terbuat dari emas dan perak, yang di sana tidak ada kebisingan dan kepayahan di dalamnya. ●



Makan & Minum

Mengikuti Sunnah Rasulullah

Kita bukan hanya memastikan makanan kita lezat dan berkhasiat tetapi juga halal dan beretika. Ada beberapa amalan sunnah Rasulullah mengenai makan dan minum yang baik untuk diikuti antaranya:

Menghargai Makanan

Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

مَا عَابَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
طَعَامًا قَطُّ. إِنْ اشْتَهَاهُ أَكَلَهُ وَإِلَّا تَرَكَهُ

Maksudnya:

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam sama sekali tidak pernah menghina makanan. Jika baginda menyukainya, baginda memakannya dan jika tidak menyukainya, maka baginda meninggalkannya.

Hadits di atas menunjukkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*

jika suka sesuatu makanan, baginda akan memakannya. Namun jika tidak suka, maka baginda membiarkannya tanpa menghina makanan tersebut, tidak mengatakan bahawa makanan tersebut tidak lezat dan tidak menyebutkan kekurangannya kerana perkara tersebut merupakan suatu etika yang kurang sopan.

Dalam hadits lain riwayat Imam Muslim daripada Jabir bin 'Abdullah *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَلَ أَهْلَهُ
الْأُدْمَ. فَقَالُوا: مَا عِنْدَنَا إِلَّا حَلٌّ. فَدَعَا بِهِ.
فَجَعَلَ يَأْكُلُ بِهِ وَيَقُولُ: نِعْمَ الْأُدْمُ الْحَلُّ

Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam bertanya tentang lauk kepada keluarga (isteri-isteri) baginda, lalu mereka menjawab: "Kami tidak mempunyai apa-apa kecuali cuka." Lalu baginda meminta cuka dan makan dengan cuka. Kemudian baginda bersabda: Lauk yang paling enak adalah cuka.

Demikianlah amalan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam menghargai makanan walaupun kita tahu bahawa makan dengan lauk cuka tidaklah lazat jika dibandingkan dengan lauk yang lain. Bahkan ramai yang tidak menggemari cuka, apalagi ingin menjadikannya sebagai lauk ketika makan.

Oleh itu, kita hendaklah mencontohi amalan baginda dalam menghargai makanan yang dihidangkan sebagai ungkapan rasa syukur kepada Allah

Subhanahu wa Ta'ala atas ni'mat yang diberikan-Nya kepada hamba-Nya. Perkara ini juga akan membuat orang yang memberikan dan menghidangkan makanan kepada kita merasa senang hati sehinggakan tidak salah jika kita turut memberikan pujian terhadap makanan yang dihidangkan itu sebagaimana yang baginda lakukan.

Tidak Bersandar Ketika Makan

Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu Juhaifah Wahab bin Abdullah *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَا أَكُلُ مُتَّكِنًا

Maksudnya:

Aku tidak makan sambil bersandar.

Salah satu adab Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ketika makan adalah

*Tidak bersandar
ketika makan*



dengan tidak menyandarkan badannya ke dinding, kerusi ataupun bantal. Bagitulah juga baginda tidak duduk dengan bersandar dan berehat di atas rusuk kanan atau kiri dan tidak duduk dengan bersandar di atas satu tangan dan makan dengan tangan yang satu lagi.

Menurut al-Khatabi, sebagaimana yang diungkapkan oleh Imam an-Nawawi dalam kitab 'Riyadh ash-Shalihin', bahawa makan dengan bersandar membuatkan seseorang akan makan terlalu banyak, sehingga dia akan merasa kekenyangan setelah makan dan memerlukan beberapa waktu untuk melakukan aktiviti berikutnya. Maka terlalu banyak atau secara berlebihan juga tidak baik untuk kesihatan. Sedangkan baginda Rasulullah tidak pernah makan secara berlebihan melainkan hanya dengan kadar yang secukupnya. Hal ini menunjukkan bahawa hukum makan sambil bersandar adalah makruh kerana baginda Rasulullah tidak menyukai orang yang makan sambil bersandar.

Makan dengan Tiga Jari

Imam at-Tirmidzi meriwayatkan daripada Ka'ab bin Malik *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَأْكُلُ بِأَصَابِعِهِ الثَّلَاثِ وَيَلْعَقُهُنَّ

Maksudnya:

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam makan dengan tiga jarinya dan baginda menjilatnya (selepas makan).



Hadits ini menjelaskan salah satu cara yang diamalkan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* semasa makan ialah dengan tidak menggunakan kesemua jarinya, akan tetapi menggunakan tiga jari sahaja. Ini kerana makanan yang sering baginda makan adalah makanan kering dan tidak berkuah. Ini menunjukkan sifat kesederhanaan baginda yang tidak suka hidup mewah dan makan makanan yang enak. Selain itu, memang sebahagian makanan khas di tanah Arab dan di zaman Rasulullah pada masa itu, banyak yang terbuat daripada tepung kering dan minyak samin. Oleh itu, cara makan yang memang lebih tepat adalah menggunakan tiga jari, iaitu ibu jari, jari telunjuk dan jari tengah.

Berkata Imam an-Nawawi, berdasarkan hadits di atas adalah digalakkan makan dengan menggunakan tiga jari sahaja dan tidak menambah jari keempat atau kelima kecuali ketika tidak dapat dielakkan seperti memakan makanan yang tidak boleh dimakan melainkan dengan menggunakan lebih daripada tiga jari ataupun seperti memakan

makanan yang berkuah. Maka cara makan yang lebih tepat dalam hal ini adalah dengan menggunakan kesemua lima jari atau menggunakan sudu dan sebagainya.

Minum dengan Dua atau Tiga Nafas (Tegukan)

Imam at-Tirmidzi meriwayatkan daripada 'Abdullah bin 'Abbas bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَا تَشْرَبُوا وَاحِدًا كَثْرَبِ الْبَعِيرِ. وَلَكِنْ
اشْرَبُوا مَثْنَى وَثَلَاثَ وَسَمُّوا إِذَا أَنْتُمْ شَرِبْتُمْ
وَاحْمَدُوا إِذَا أَنْتُمْ رَفَعْتُمْ

Maksudnya:

Janganlah kamu minum dengan satu teguk seperti cara minum unta. Akan tetapi minumlah dengan dua atau tiga kali tegukan. Sebutlah "Bismillah" apabila kamu hendak minum dan katakanlah "Alhamdulillah" apabila kamu selesai.



Hadits ini menjelaskan bahawa Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ketika minum, baginda tidak menghabiskan minuman sekali gus daripada satu gelas, akan tetapi baginda menghabiskannya dengan dua atau tiga kali tegukan di mana setiap tegukan diiringi dengan bernafas. Maksud bernafas bagi setiap kali tegukan ialah bernafas di luar daripada gelas, bukan bernafas di dalam gelas kerana Rasulullah melarangnya di mana ia boleh mencemarkan air, Sebab ketika seseorang bernafas, yang dikeluarkannya adalah zat asam arang atau karbon dioksida. Oleh itu, seandainya dia mengeluarkan nafas di dalam gelas, maka yang dihirup adalah zat karbon dioksida, atau air yang diminumnya mengandungi zat baki hasil pembakaran di dalam tubuh badan. Tentu saja perkara ini tidak baik bagi kesihatan.

Dalam hadits itu juga Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* melarang kita minum dengan sekali teguk tanpa bernafas sebagaimana cara unta minum dengan sekali teguk.

Selain itu, apa yang dicontohkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ini juga mengandungi nilai kesabaran kerana dalam perkara ini seorang muslim dituntut untuk tidak tergesa-gesa, dan juga mengandungi nilai kesopanan kerana minum dengan hanya sekali teguk boleh menunjukkan kegelojohan seseorang. Apalagi jika dia minum secara tergesa-gesa disebabkan terlalu dahaga, lalu akan menyebabkannya tersedak dan terbatuk-batuk.

Minum Sambil Duduk atau Berdiri

Imam at-Tirmidzi meriwayatkan daripada 'Amru bin Syu'aib, daripada bapanya Syu'aib bin Muhammad bin 'Abdullah, daripada datuknya 'Abdullah bin 'Amru *Radhiallahu 'ahuma*, beliau berkata:

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَشْرَبُ قَائِمًا وَقَاعِدًا

Maksudnya:

Aku pernah melihat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam minum sambil berdiri dan juga duduk.

Hadits di atas menunjukkan bahawa sama ada minum sambil duduk atau berdiri, kedua-duanya pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Namun, terdapat beberapa hadits daripada baginda yang melarang minum sambil berdiri, antaranya:

Imam Muslim meriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anhu*, beliau berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ اللَّه صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى
أَنْ يَشْرَبَ الرَّجُلُ قَائِمًا

Maksudnya:

Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam melarang seseorang minum sambil berdiri.

Imam Muslim juga meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* berkata bahawa Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:


لَا يَشْرَبَنَّ أَحَدٌ مِنْكُمْ قَائِمًا

Maksudnya:

Janganlah sesiapa daripada kamu yang minum sambil berdiri.

Hadits yang menceritakan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* minum sambil berdiri menjelaskan keharusan perbuatan tersebut kerana jika tidak harus, maka sudah tentu baginda tidak akan melakukannya.

Namun hadits yang melarang perbuatan minum sambil berdiri menunjukkan kepada amalan yang sebaik-baiknya, maksudnya ialah cara minum yang terbaik dan lebih utama ialah minum sambil duduk (jika tiada



Jangan minum sambil berdiri

sebarang halangan untuk melakukannya). Sebahagian ulama' mengatakan bahawa baginda Rasulullah minum sambil berdiri kerana ada sebab yang membuatkan baginda terpaksa melakukan sedemikian.

Demikianlah pandangan beberapa ulama' seperti al-Khattabi, Ibnu al-Batthal dan ramai lagi. Pandangan inilah yang rajih (lebih tepat) dalam menyelarikan antara hadits-hadits yang kelihatan bertentangan itu. ●

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam sama sekali tidak pernah menghina makanan. Jika baginda menyukainya, baginda memakannya dan jika tidak menyukainya, maka baginda meninggalkannya.



Nabi Yunus

'Alaihissalam

Kisah masyhur mengenai seorang Nabi yang meninggalkan kaumnya yang ingkar tanpa izin Allah *Subhanahu wa Ta'ala* lalu ditelan oleh seekor ikan yang besar. Akan tetapi Allah yang Maha Penyayang telah menyelamatkannya kerana baginda adalah orang yang banyak bertasbih.

Yunus bin Matta merupakan seorang nabi yang diutus untuk berda'wah di sebuah tempat bernama Ninawa. Penduduk Ninawa merupakan kaum yang menyekutukan Allah dengan menyembah berhala.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengutus Nabi Yunus untuk mengajak mereka beriman dan meninggalkan berhala yang mereka sembah.

Tetapi mereka menolak beriman kepada Allah dan tetap memilih menyembah berhala bahkan dengan lantang mencabar untuk mendatangkan azab Allah kepada mereka. Nabi Yunus sedih dan putus

asa dengan sikap kaum Ninawa yang tidak mahu beriman lalu baginda pergi meninggalkan kota tersebut dengan perasaan marah, kesal dan sedih.

Nabi Yunus pergi tanpa izin Allah *Subhanahu wa Ta'ala* lalu menaiki sebuah kapal dan belayar ke tengah lautan. Di tengah-tengah pelayaran, tiba-tiba datang ribut yang sangat dahsyat, angin bertiup dengan kencang dan ombak mengganasehingga hampir menenggelamkan kapal tersebut. Lalu para penumpang bermesyuarah untuk meringankan beban kapal dengan melempar seseorang ke laut dengan mengadakan undian. Maka dialah yang akan dilemparkan ke dalam lautan

demi menjaga keselamatan para penumpang kapal yang lain. Undian pun dilakukan dan jatuh kepada Nabi Yunus. Nabi Yunus menyedari bahawa itulah hukuman Allah kepadanya kerana meninggalkan kaumnya tanpa izin Allah, lalu baginda pun terjun ke dalam laut. Ketika itulah Allah memerintahkan agar seekor ikan yang besar dikenali sebagai Hut untuk menelan Nabi Yunus.

Ketika Hut menelan Nabi Yunus, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberikan ilham kepada binatang tersebut agar tidak menyakitinya. Tinggallah Nabi Yunus di dalam perut ikan Hut. Nabi Yunus beri'tikaf dan beribadat serta memohon keampunan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sambil mengakui kesalahannya. Allah memperkenankan doa dan taubatnya, lalu mengilhamkan kepada ikan Hut agar melemparkan Nabi Yunus keluar dari perutnya ke tepi pantai. Nabi Yunus akhirnya selamat lalu kembali kepada kaumnya atas perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk terus menegakkan syi'ar Allah kepada mereka.

Sepeninggalan Nabi Yunus *'alaihissalam*, penduduk Ninawa mulai melihat tanda-tanda yang menakutkan, seakan-akan ancaman Nabi Yunus kepada mereka akan menjadi kenyataan dan hukuman Allah akan benar-benar menimpa ke atas mereka. Kaum yang ketakutan tersebut akhirnya bertaubat memohon pengampunan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Allah yang Maha Pengasih dan Pengampun telah memperkenankan doa kaum tersebut

dan akhirnya mereka selamat sejourus sebelum azab ditimpakan ke atas mereka.

Kisah ini dinukilkan dalam al-Qur'an sepertimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah ash-Shaaffaat ayat 139-148:

وَلِإِن يُّؤْنَسَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٣٩﴾ إِذْ أَبَقَ إِلَى
 الْفُلِّ الْمَشْحُونِ ﴿١٤٠﴾ فَسَاهَمَ فَكَانَ مِنَ الْمُدْحَضِينَ
 ﴿١٤١﴾ فَالْتَقَمَهُ لُحُوتٌ وَهُوَ مُلِيمٌ ﴿١٤٢﴾ فَلَوْلَا أَنَّهُ كَانَ
 مِنَ الْمُسَبِّحِينَ ﴿١٤٣﴾ لَلَبَثَ فِي بَطْنِهِ إِلَى يَوْمِ
 يُبْعَثُونَ ﴿١٤٤﴾ فَنبَذْنَاهُ بِالْعَرَاءِ وَهُوَ سَقِيمٌ ﴿١٤٥﴾
 وَأَنْبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّنْ يَقْطِينٍ ﴿١٤٦﴾ وَأَرْسَلْنَاهُ
 إِلَى مِائَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ ﴿١٤٧﴾ فَآمَنُوا
 فَغَنَّمَهُمْ إِلَى حِينٍ ﴿١٤٨﴾

Mafhumnya:

Dan sesungguhnya Nabi Yunus ialah seorang daripada rasul-rasul (yang diutus). (ingatlah) ketika dia melarikan diri ke kapal yang penuh muatan. Maka dia pun turut diundi lalu dia termasuk orang-orang yang kalah undi. Maka seekor ikan besar telah menelannya dalam keadaan tercela (kerana dia melarikan diri daripada kaumnya). Maka kalaulah dia akan berada di dalam perut ikan itu hingga ke hari manusia dibangkitkan (hari kiamat). Maka kami melemparkan dia keluar (dari perut ikan) ke tanah yang tandus (di tepi pantai) dalam keadaan sakit. Dan kami menumbuhkan untuk

melindunginya sebatang pohon yang berdaun lebar. Dan kami mengutusnyanya kepada (kaumnya yang berjumlah) seratus ribu atau lebih. Maka mereka pun beriman lalu kami mengurniakan kepada mereka kenikmatan hidup hingga ke suatu masa yang tertentu.

Teladan yang dicontohi

Sentiasa ingat kepada Allah

Dalam kisah Nabi Yunus terdapat pelajaran bagi orang yang beriman bahawa ibadah dalam waktu senang memberi keselamatan di waktu ia ditimpa bencana. Nabi Yunus adalah orang yang banyak bertasbih dengan mengingat Allah dan tasbihnya itulah yang menyebabkan baginda selamat ketika berada di dalam perut ikan Hut.

Jelaslah betapa umat Islam hendaklah sentiasa ingat kepada Allah, antaranya dengan zikir dan tasbih. Terdapat banyak kelebihan orang yang sentiasa berzikir dan ingat kepada Allah antaranya:

Mendapat pengampunan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mendapat ganjaran pahala.

Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Ahzaab ayat 35:

... وَالذَّكِرِينَ اللَّهُ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ
أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

Mafhumnya:

... dan lelaki-lelaki serta perempuan-perempuan yang banyak berzikir mengingat Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar.

Allah akan sentiasa ingat kepadanya.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 152:

فَاذْكُرُونِي أَذْكَرُكُمْ وَأَشْكُرُوا لِي
وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Mafhumnya:

Maka ingatlah kamu kepadaku (dengan melakukan sembahyang berzikir dan lain-lain perbuatan ta'at mengerjakan suruhanku) dan janganlah kamu mengingkariku (dengan berbuat derhaka dan maksiat).

Hati menjadi tenang.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah ar-Ra'd ayat 28:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ
أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Mafhumnya:

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingati Allah Subhanahu wa Ta'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram.

Memantapkan iman.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Anfaal 6:

يُجَادِلُونَكَ فِي الْحَقِّ بَعْدَ مَا بَيَّنَّ كَأَنَّمَا
يُسَاقُونَ إِلَى الْمَوْتِ وَهُمْ يَنْظُرُونَ ﴿٦﴾

Mafhumnya:

Mereka membantahmu tentang kebenaran (berperang) setelah nyata (bahawa mereka pasti menang) seolah-olah mereka digiring kepada kematian sedang mereka melihat (sebab-sebab kematian itu).

Dillindungi dengan rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sebagaimana hadits riwayat Imam Muslim, dari al-Aghar bin Abi Muslim katanya, Abu Hurairah dan Abi Sa'id *Radhiallahu 'anhuma* memberitahu bahawa mereka menyaksikan dan mendengar Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَا يَتَعَدُّ قَوْمٌ يَذْكُرُونَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ
إِلَّا حَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَعَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ
وَنَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ
فِيمَنْ عِنْدَهُ.

Maksudnya:

Tidak ada jemaah yang duduk sambil berzikir kepada Allah melainkan dikerumuni mereka oleh malaikat, diliputinya mereka dengan rahmat, diturunkan ke atas mereka ketenangan dan disebutkan mereka oleh Allah

Subhanahu wa Ta'ala di hadapan mereka (malaikat) yang berada di sisinya.

Melepaskan dari penderitaan azab dan malapetaka.

Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Mu'az bin Jabal katanya, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

مَا عَمِلَ آدَمِيُّ عَمَلًا قَطُّ أَنْجَى لَهُ مِنْ
عَذَابِ اللَّهِ مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ.

Maksudnya:

Tidak beramal bagi Adam satu amalan yang sangat menyelamatkan daripada azab Allah seperti berzikir (menyebut Allah).

Betapa besarnya kelebihan orang yang sentiasa berzikir mengingati Allah. Bahkan ingat kepada Allah juga boleh menyelamatkan seseorang itu dari mara bahaya dan dilepaskan dari kesulitan sebagaimana kisah Nabi Yunus yang selamat berada di dalam perut ikan sehingga akhirnya baginda dilepaskan ke tepi pantai. Melihat kepada kelebihan mengingati Allah itu sangat banyak, maka alangkah ruginya orang yang tidak mengamalkan zikir dan tasbih pada setiap masa dan ketika.

Segera bertaubat

Itulah yang dilakukan oleh Nabi Yunus sejurusnya menyedari kemurkaan Allah kerana meninggalkan kaumnya tanpa izin Allah. Malahan sepanjang

berada di dalam perut ikan, Nabi Yunus tetap bertasbih kepada Allah, bertaubat memohon keampunan ke hadirat Allah tanpa henti-henti. Allah yang bersifat Maha Pengasih dan Maha Pengampun menerima taubat Nabi Yunus. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Anbiyaa ayat 87-88:

وَذَا النُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغْضِبًا فَظَنَّ
 أَن لَّنْ نَّقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ
 أَن لَّا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ
 مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾ فَاسْتَجَبْنَا لَهُ وَوَجَّعْنَا لَهُ
 مِنَ العَمْرِ وَكَذَلِكَ نُجِي الْمُؤْمِنِينَ ﴿٨٨﴾

Mafhumnya:

Dan ingatlah kisah) Dzannun (Nabi Yunus 'alaihissalam ketika dia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah (kerana mereka itu enggan beriman), dia menyangka bahawa kami tidak akan mengenakan hukuman (atas perbuatannya itu. Setelah dia ditelan ikan paus) maka dia pun berdoa dalam kegelapan. "sesungguhnya tiada tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau. Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang zalim." Maka kami memperkenankan doanya dan kami menyelamatkannya daripada kesusahan. Dan demikianlah kami juga akan menyelamatkan orang-orang yang beriman.

Penduduk Ninawa pada mulanya enggan beriman kepada Allah, namun setelah melihat azab Allah hampir

menimpa, mereka segera bertaubat memohon keampunan kepada Allah. Allah menerima taubat penduduk tersebut lalu menyelamatkan mereka dari menerima azab bencana walaupun sebelum itu mereka adalah orang yang kufur dan ingkar kepada Allah.

Sememangnya setiap orang tidak dapat lari dari membuat kesilapan sama ada secara sengaja atau tidak. Apa yang penting ialah memohon keampunan kepada Allah, bertaubat kepada-Nya dan berazam tidak akan mengulanginya lagi. Jangan menanggung-nanggung taubat kerana ajal boleh datang menjemput pada bila-bila masa. Apa yang dikhuatiri jika tidak sempat bertaubat maka ketika itu penyesalan tidak akan berguna lagi.

Tidak berputus asa

Kedegilan kaum Nabi Yunus untuk beriman menyebabkan baginda merasa berputus asa untuk meneruskan lagi seruan da'wah, lalu baginda pergi meninggalkan mereka dengan perasaan marah dan kecewa sebelum adanya perintah daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Perbuatan tersebut menyebabkan baginda dihukum oleh Allah. Namun setelah Nabi Yunus bertaubat, baginda akhirnya kembali semula kepada kaumnya untuk terus menyampaikan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Islam menyuruh umatnya supaya tidak berputus asa. Sikap berputus asa hanya mencerminkan sikap orang yang lemah, tidak tahan dengan cabaran, kurang berkeyakinan dan

kurang sabar. Berputus asa hanya mendatangkan kerugian. Ada orang mudah berputus asa setelah apa yang diusahakan mengalami kerugian. Ada orang mudah berputus asa setelah apa yang diusahakan tidak mencapai hasil yang diinginkan, lalu mereka berhenti mencuba. Lebih buruk lagi mereka yang berputus asa itu mengambil tindakan di luar batasan yang bertentangan dengan hukum Islam seperti memcederakan orang lain dan menggugat keimanan mereka sendiri sehingga menjadikan jiwa mereka lemah dan tidak sanggup menghadapi kesulitan, kegagalan atau kekecewaan dalam ujian kehidupan. Iman sangat penting kerana orang yang beriman akan bersabar, tabah dan tenang dalam menghadapi apa jua cabaran dan rintangan yang melanda. Orang yang beriman tidak akan sekali-kali mengambil sikap mudah berputus asa malahan akan tetap mencuba hingga mencapai kejayaan.

Maka sudah sewajarnya umat Islam memelihara diri dari bersikap putus asa, termasuklah dalam perkara

melaksanakan *'Amar Ma'ruf Nahi Munkar'* iaitu menyuruh berbuat kebaikan dan menegah dari perbuatan mungkar. Tujuan anjuran tersebut ialah supaya kita saling menegur dan menasihati agar hidup ini sentiasa di landaskan yang benar dan mengikut ajaran yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Contohnya jika mendapati seseorang melakukan kemungkaran, teguran dan nasihat itu hendaklah dilakukan berulang kali sehingga akhirnya mereka mahu berubah untuk mematuhi perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Adalah tidak wajar jika dia merasakan bahawa cukup hanya sekali dua untuk membuat teguran atau nasihat kerana orang yang ditegur bermasam muka dan marah, bersikap degil dan tidak mahu mendengar kata atau berbagai alasan yang lain. Jika sedemikian jelaslah menunjukkan dia seorang yang mudah mengalah dan berputus asa. Oleh itu berusaha bersungguh-sungguh dalam setiap usaha yang dilakukan untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan dan kecemerlangan ummah. ●



Saiyidul Istighfar

Pendahuluan

Istighfar ialah permohonan ampun seorang hamba kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan menyebut kalimah "استغفر الله" dengan lisan, disertakan keazaman untuk bertaubat dalam hati, menyesali akan setiap kesilapan dan dosa yang telah dilakukan serta tidak akan mengulanginya lagi.

Sebagai manusia biasa kita tidak lepas dari melakukan kesilapan, kesalahan, maksiat dan dosa selama kita hidup di muka bumi ini. Kehidupan di dunia adalah semata-mata ujian yang akan menentukan kejayaan kita di akhirat nanti sama ada kita menjadi ahli syurga ataupun ahli neraka. Justeru itu kita digalakkan untuk sentiasa memohon ampun kepada Allah 'Azza wa Jalla dan bertaubat agar terhapus dari segala dosa dan seterusnya mencalonkan diri kita sebagai ahli syurga yang diimpikan oleh setiap orang Islam. Yang pasti Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menjanjikan akan memberikan keampunan bagi orang-orang yang benar-benar memohon ampun dan bertaubat kepada-Nya seperti firman-Nya dalam surah Thaaha, ayat 82:

وَأَنفِي لَعْنًا لِمَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا
ثُمَّ أَلْتَدَىٰ (٨٢)

Mafhumnya:

Dan sesungguhnya Aku benar-benar Maha Pengampun bagi orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amalan-amalan salih kemudian dia tetap dalam petunjuk (sehingga akhir hayatnya).

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* lagi dalam surah az-Zumar, ayat 53:

قُلْ يٰعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ
لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ
جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (٥٣)

Mafhumnya:

Katakanlah (sampaikanlah firman-Ku ini wahai Nabi Muhammad): Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan ma'siat)! Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

Firman-Nya lagi dalam surah at-Tahriim, ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا
عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ
وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا
الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا يُجْزَى اللَّهُ النَّبِيَّ وَالَّذِينَ
ءَامَنُوا مَعَهُ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ
وَيَئْتِمُهُمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَتِمِّمْ لَنَا نُورَنَا
وَءَاغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan taubat nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, pada hari (kiamat) yang Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang-orang yang beriman bersama-sama dengannya, cahaya

(iman dan amal salih) mereka bersinar di hadapan dan di sebelah kanan mereka sambil mereka berkata: Ya Tuhan kami! Sempurnakanlah bagi kami cahaya kami, dan ampunilah kami, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam sendiri sebagai seorang yang ma'shum (terpelihara dari dosa) tidak pernah lupa beristighfar dan memohon keampunan Allah sepertimana disebutkan dalam banyak hadits.

Antaranya, disebutkan dalam sebuah hadits riwayat Ibnu Majah daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ
مِائَةً مَرَّةً.

Maksudnya:

Sesungguhnya aku benar-benar memohon keampunan Allah dan bertaubat kepada-Nya dalam sehari semalam sebanyak 100 kali.

Saiyidul istighfar adalah antara zikir yang biasa dibaca oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam pada setiap pagi dan petang. Ia merupakan himpunan lafaz yang mengandungi makna-makna taubat secara menyeluruh serta pengakuan terhadap uluhiyah Allah dan ibadah hanya

kepada-Nya. Pengakuan bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menetapkan janji yang dibuat untuk hamba-Nya. Memerlihatkan kekurangan diri seorang hamba dengan memohon perlindungan Allah dari keburukan yang telah diperbuat oleh diri sendiri serta mengakui akan kelemahan diri yang sentiasa mengukufuri ni'mat yang Allah telah anugerahkan kepadanya dan mengakui dosa-dosa yang telah dilakukan. Lafaz ini juga mengandungi keinginan dan harapan seorang hamba agar diampuni dosa-dosa yang telah dilakukan dan pengakuan bahawa tidak ada yang dapat mengampuni dosa selain Allah.

Lafaznya:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ ،
 خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ
 وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
 شَرِّ مَا صَنَعْتُ ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ
 عَلَيَّ ، وَأَبُوءُ بِذَنْبِي ، فَاغْفِرْ لِي ، فَإِنَّهُ
 لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ .

Maksudnya:

Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tiada yang layak disembah selain Engkau, Engkaulah yang menciptakan aku dan akulah hamba-Mu. Akan ku tepati janjiku (kepada-Mu) dengan seluruh kemampuanku. Aku berlindung kepada-Mu dari kejahatan-kejahatan

yang telah ku perbuat. Mengakui di hadapan-Mu anugerah yang Engkau limpahkan kepadaku. Aku akui dosa-dosaku, ampunilah dosa-dosaku, kerana tidak ada yang dapat mengampuni segala dosa selain Engkau.

Kelebihannya

Barang siapa yang membacanya pada siang hari dengan penuh yakin lalu ia meninggal dunia pada hari itu sebelum datang petang hari, maka ia termasuk dari ahli syurga. Barang siapa yang membacanya pada malam hari dengan penuh keyakinan lalu ia meninggal dunia sebelum pagi hari, maka ia juga termasuk ahli syurga sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Syaddad bin Aus *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

وَمَنْ قَالَهَا مِنَ النَّهَارِ مُوقِنًا بِهَا ، فَمَاتَ
 مِنْ يَوْمِهِ قَبْلَ أَنْ يُمْسِيَ ، فَهُوَ مِنْ
 أَهْلِ الْجَنَّةِ ، وَمَنْ قَالَهَا مِنَ اللَّيْلِ ،
 وَهُوَ مُوقِنٌ بِهَا ، فَمَاتَ قَبْلَ أَنْ
 يُصْبِحَ ، فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ .

Maksudnya:

Sesiapa yang mengucapkannya pada siang hari dengan penuh keyakinan dengannya lalu dia meninggal dunia pada hari tersebut sebelum petang

maka dia dari kalangan ahli syurga. Dan sesiapa yang mengucapkannya pada waktu malam dengan penuh keyakinan dengannya lalu dia meninggal dunia maka dia dari kalangan ahli syurga.

Terdapat banyak kelebihan istighfar ini jika amalan ini dilakukan secara istiqamah dan ikhlas semata-mata kerana Allah. Antara kelebihanannya ialah:

- Dihapuskan dosa-dosanya walaupun banyaknya seperti buih di laut.
- Allah akan melapangkan dirinya dari segala kesusahan dan melepaskannya daripada segala tekanan.
- Dibukakan pintu-pintu rezeki.
- Dimakbulkan doanya kerana istighfar adalah sebab utama diterima doa.
- Menghapuskan penyakit hati dan batin.
- Diberikan umur yang panjang dalam keberkatan. ●



Adab-Adab Terhadap Orang Yang Baru Meninggal Dunia

Terdapat beberapa perkara yang patut dilakukan setelah seseorang itu menghembuskan nafas yang terakhir, antaranya ialah:

Memejamkan Mata Jenazah

Sebagaimana yang diterangkan di dalam sebuah hadits riwayat al-Imam Muslim, daripada Ummu Salamah bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda:

إِنَّ الرُّوحَ إِذَا قُبِضَ تَبِعَهُ الْبَصَرُ

Maksudnya:

Sesungguhnya roh itu apabila dicabut, mata pun (memandang) mengikutinya.

Memejamkan mata jenazah sambil membaca :

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَىٰ مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya:

*Dengan nama Allah dan berdasarkan peraturan dan hukum-hukum agama Islam yang disampaikan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.*

Atau dibacakan doa ini:

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَىٰ مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ
يَسِّرْ عَلَيْهِ أَمْرَهُ وَسَهِّلْ عَلَيْهِ مَا بَعْدَهُ.
وَأَسْعِدْهُ بِلِقَائِكَ وَاجْعَلْ مَا خَرَجَ إِلَيْهِ
خَيْرًا مِّمَّا خَرَجَ عَنْهُ.

Maksudnya:

*Dengan nama Allah dan berdasarkan peraturan dan hukum-hukum yang disampaikan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*. Ya Allah! Mudahkan urusannya, mudahkan baginya perkara-perkara yang akan datang ini serta bahagikanlah dia ketika bertemu dengan Engkau, jadikanlah negeri yang dituju lebih baik daripada negeri yang ditinggalkan.*

Menutup Seluruh Badan Jenazah

Imam al-Bukhari telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha* dia telah berkata bahawa Rasulullah telah bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
حِينَ تُؤْفَى سُجِّي بِبُرْدٍ جَبْرَةٍ.

Maksudnya:

Sesungguhnya ketika Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam wafat, baginda ditutupi dengan kain Habirah (kain yang terbuat dari kapas).

Maknanya menutupi seluruh badannya dan al-habirah ialah sejenis jahitan pakaian Yamani yang diperbuat daripada kain kapas atau kain linen.

Mencium Jenazah

Hukum mencium orang yang telah meninggal dunia itu asalnya adalah harus, bahkan sunat jika orang yang meninggal itu adalah terdiri daripada golongan orang salih sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha*, beliau berkata bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda:

قَبَّلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
عُثْمَانَ بْنَ مَظْعُونٍ وَهُوَ مَيِّتٌ فَكَأَنِّي
أَنْظُرُ إِلَى دُمُوعِهِ تَسِيلُ عَلَى خَدَّيْهِ.

Maksudnya:

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam mencium Utsman bin Mazh'un, padahal dia telah meninggal dunia. Dan aku seakan-akan melihat air mata baginda mengalir pada kedua pipinya.

Saiyidina Abu Bakar *Radhiallahu 'anhu* juga pernah mencium Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* padahal baginda telah wafat. Beliau mencium di kawasan antara kedua-dua mata baginda dan perkara tersebut tidak diingkari oleh sahabat yang lain pada ketika itu.

Oleh itu adalah harus hukumnya mencium ahli keluarga orang yang telah meninggal dunia dan selain mereka seperti sahabat-sahabat, termasuklah juga suami atau isteri dan mahram kepada orang yang telah meninggal dunia. Namun perbuatan sedemikian tidak boleh dilakukan oleh lelaki dan perempuan yang *ajnabi* (bukan mahram). Adapun sebagai pilihan lain, maka bolehlah mengucapkan takziah kepada ahli keluarga orang yang telah meninggal dunia dan mendoakannya.

Namun keharusan itu boleh berubah menjadi haram jika perbuatan mencium itu boleh menyebabkan seseorang itu hilang kesabaran dan kewarasan kerana terlalu sedih.

Mempercepat Pengurusan Jenazah dan Pengebumiannya

Imam Abu Daud telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada al-

Hushain bin Wahwah bahawa Thalhaf bin al-Bara` telah jatuh sakit, kemudian Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam mengunjunginya. Lalu baginda bersabda:

إِنِّي لَا أَرَى طَلْحَةَ إِلَّا قَدْ حَدَثَ فِيهِ
الْمَوْتُ فَادْنُونِي بِهِ وَعَجِّلُوا فَإِنَّهُ لَا
يُنْبَغِي لِجِيفَةِ مُسْلِمٍ أَنْ تُحْبَسَ بَيْنَ
ظَهْرَانِي أَهْلِهِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya aku melihat Thalhaf telah mendekati kematiannya, maka aku beritahu tentang kematiannya dan bersegeralah kamu untuk mengurus jenazahnya kerana sesungguhnya tidak layak jasad seorang muslim ditahan di antara keluarganya.

Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Ali Radhiallahu 'anhu, bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam telah bersabda:

ثَلَاثَةٌ يَا عَلِيُّ لَا تُؤَخِّرُهُنَّ الصَّلَاةُ إِذَا
أَتَتْ وَالْجَنَازَةُ إِذَا حَضَرَتْ وَالْأَيِّمُ إِذَا
وَجَدَتْ كُفُوًا.

Maksudnya:

Tiga perkara wahai Ali yang jangan kamu tangguh; mengerjakan sembahyang jika sudah masuk waktunya, jenazah jika sudah meninggal dunia dan balu jika sudah ada yang sekufu (baginya).

Menangisi Dengan Tangisan Kasih Sayang

Imam al-Bukhari telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu dia berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
دَخَلَ عَلَى ابْنِهِ إِبْرَاهِيمَ يَجُودُ بِنَفْسِهِ
فَجَعَلَتْ عَيْنَا رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَدْرِفَانِ. فَقَالَ لَهُ عَبْدُ
الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ:
وَأَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَقَالَ: يَا ابْنَ
عَوْفٍ إِنَّهَا رَحْمَةٌ ثُمَّ اتَّبَعَهَا بِأُخْرَى.
فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ الْعَيْنَ
تَدْمَعُ وَالْقَلْبَ يَحْزَنُ وَلَا تَقُولُ إِلَّا مَا
يَرْضَى رَبُّنَا وَإِنَّا بِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ
لَمَحْزُونُونَ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam mengunjunginya anak baginda, Ibrahim yang telah meninggal dunia. Hal ini menyebabkan mengalirnya air mata dari kedua matanya (Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam). Lalu berkatalah 'Abdurrahman bin 'Auf Radhiallahu

'anhu kepada baginda: Mengapa tuan menangis, wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Wahai Ibnu 'Auf, sesungguhnya ini adalah rahmat (kasih sayang). Kemudian mengalir lagi air matanya, maka baginda bersabda: Sesungguhnya mata boleh mengalirkan airnya, hati boleh sedih (tetapi) kita tidak boleh berkata kecuali apa yang diredhai oleh Tuhan kita. Dan sesungguhnya kami bersedih hati kerana terpisah denganmu wahai Ibrahim.

Larangan Meratapi Jenazah

Imam Abu Daud telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Abu Sa'id al-Khudri, dia berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah bersabda:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
النَّاحَةَ وَالْمُسْتَمِعَةَ.

Maksudnya:

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam melaknat wanita yang meratap dan orang yang mendengarkannya.

Imam Muslim telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Abu Musa al-Asy'ari Radhiallahu 'anhu dia berkata: bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
بَرِيٌّ مِنَ الصَّالِقَةِ وَالْحَالِقَةِ وَالشَّاقَّةِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam melepaskan diri dari Shaliqah (perempuan yang meninggikan suaranya dengan ratapan), haliqah (perempuan yang memotong rambutnya ketika ditimpa musibah) dan syaqqah (perempuan yang mengoyak pakaiannya ketika ditimpa musibah).

Semuanya yang tersebut ini haram hukumnya dengan kesepakatan ulama. Demikian pula diharamkan menguraikan rambut dan menampar-nampar pipi, melukai muka dan berdoa memohon celaka. ●



**Selamat Tiba Dipenghujung
Jalanan Tahun Hijrah
&
Selamat Tiba Melangkah Masuk
Gerbang Tahun Baharu**

Hitung kira langkah
sepanjang perjalanan
meninggalkan jejak di alun
atau di dataran
ukur sukat langkah ke hadapan
kukuhkan otot-otot
berjalan berlari gagah mengharungi
hari-hari cerah bersinar
atau kabut berserabut
dalam tak tahu panjang pendek
jauh dekat jaraknya
pastikan ketika tiba di terminal akhir
tidak kecikiran smart card

سَيَمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ

Berperisian data diri:
Muslim-Mu'min-Muttaqin
untuk pemeriksaan Pos Kawalan
sempadan hari akhirat
dengan sambutan para malaikat
menyapa lembut mengucapkan:

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ

Menjemput sambil mengiringi
ke pintu ruangan wangian syurga
sedang dari dalamnya
terdengar suara mesra
mengalu-alukan ketibaan
ke tempat tempahan
kediaman bertitle kekal abadi
tanpa serimoni serah terima anak kunci
daun pintunya sedia bertulisan

سَيِّمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِمَّنْ أَثَرِ السُّجُودِ

Badaruddin HO

Doa Mohon REZEKI HALAL

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ
وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

Ertinya:

Ya Allah, cukupkanlah aku dengan rezeki-Mu yang halal (hingga aku terhindar) daripada yang haram. Kayakanlah aku dengan anugerah-Mu (hingga aku tidak meminta) kepada selain-Mu.”